



Hari Jumaat
9 November 2001

NEGERI PULAU PINANG

PENYATA RASMI

**DEWAN UNDANGAN NEGERI
YANG KESEPULUH**

**PENGGAL PERSIDANGAN KETIGA
MESYUARAT YANG KEDUA**

15 OKTOBER 2001 HINGGA 28 NOVEMBER 2001

DIKELUARKAN OLEH
UNIT DEWAN UNDANGAN NEGERI
PULAU PINANG

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI PULAU PINANG YANG KESEPULUH

PENGGAL KETIGA MESYUARAT KEDUA

Kandungan	Muka Surat
SAMBUNGAN PENGKULUNGAN PERBAHASAN RNPP1	3
Ucapan Pengkulungan (RNPP1) oleh Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)	3
Ucapan Pengkulungan (RNPP1) oleh Ahli Kawasan Telok Bahang – Timbalan Ketua Menteri.	9
Ucapan Pengkulungan (RNPP1) oleh Ahli Kawasan Tanjung Bunga – Y.A.B. Ketua Menteri.	33

PENYATA RASMI

DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG KESEPULUH

MESYUARAT KEDUA PENGAL KETIGA

Hari Jumaat : 9 November 2001 (Jumaat)

*(Tempat : Dewan Undangan Negeri,
Lebuh Light, Pulau Pinang.*

HADIR

Ahli Kawasan Pinang Tunggal (Y.B. Dato' Haji Yahaya bin Abdul Hamid)
- Dato' Speaker

Ahli Kawasan Tanjung Bunga (Tan Sri Dr. Koh Tsu Koon) – Ketua
Menteri

Ahli Kawasan Telok Bahang (Y.B. Dato' Dr. Hilmi bin Haji Yahaya) –
Timbalan Ketua Menteri

Setiausaha Kerajaan Negeri (Y.B. Dato' Khalid bin Ramli)

Penasihat Undang-Undang Negeri (Dato' Alizatul Khair bt. Osman
Khairuddin)

Yang Berhormat Pegawai Kewangan Negeri (Y.B. Encik Abdul Hanan bin
Alang Endut)

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy)

“ Sungai Acheh (Y.B. Dato' Haji Abdul Rashid bin Abdullah

“ Bukit Gelugor (Y.B. Dato' Koay Kar Huah)

“ Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon)

“ Penaga (Y.B. Dato' Haji Azhar bin Ibrahim)

“ Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan)

“ Telok Ayer Tawar (Y.B. Puan Jahara bt. Hamid)

“ Paya Terubong (Y.B. Dr. Loh Hock Hun)

“ Berapit (Y.B. Encik Lau Chiek Tuan)

“ Bagan Jermal (Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum)

“ Padang Kota (Y.B. Encik Teng Chang Yeow)

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad)

- " Bayan Lepas (Y.B. Encik Lim Chien Aun)
- " Sungai Bakap (Y.B. Encik Lai Chew Hock)
- " Bertam (Y.B. Encik Hilmi bin Haji Abdul Rashid)
- " Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik)
- " Bukit Tengah (Y.B. Puan Ng Siew Lai)
- " Sungai Dua (Y.B. Encik Jasmin bin Mohamed)
- " Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang)
- " Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang)
- " Kampung Kolam (Y.B. Encik Lim Gim Soon)
- " Sungai Puyu (Y.B. Encik Loo Ah Dee @ Lee Ah Lee)
- " Air Itam (Y.B. Encik Lye Siew Weng)
- " Permatang Berangan (Y.B. Encik Abd. Roni bin A. Hasan)
- " Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang)
- " Seberang Jaya (Y.B. Dr. Radin Muhammad Amin bin Radin Haji Hadi Munir)
- " Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir)
- " Permatang Pasir (Y.B. Encik Mohd. Hamdan bin Abd. Rahman)
- " Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang)

TIDAK HADIR

Ahli Kawasan Batu Uban (Y.B. Dato' Kee Phaik Cheen)

TURUT HADIR

Encik Kasim bin Md. Isa – (Setiausaha Dewan Undangan Negeri)

Dewan bersidang semula pada jam 9.30 pagi

SAMBUNGAN UCAPAN MENGGULUNG PERBAHASAN RNPP1

Doa

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan bersidang semula. Saya ingin menjemput Y.B. Kawasan Perai untuk mengambil bahagian dalam penggulungan.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Saya bangun untuk menjawab beberapa soalan yang telah dibangkitkan oleh beberapa Ahli Yang Berhormat semasa membahaskan Rancangan Negeri Pulau Pinang Yang Pertama.

Pertama berkenaan dengan Ahli Datok Keramat yang membangkitkan soal berkaitan banjir dan bantuan-bantuan atau makanan yang telah diberi semasa banjir. Adalah dimaklumkan Jabatan Kebajikan Masyarakat akan memulakan penubuhan pusat-pusat perpindahan setelah dimaklumkan oleh Bilik Gerakan Daerah atau Bahagian Keselamatan apabila satu banjir berlaku di satu-satu daerah atau tempat. Bilik Gerakan akan mula-mula mendaftarkan mangsa-mangsa bencana, menentukan bilangan yang terlibat dalam kejadian banjir, dan untuk menyediakan keperluan kepada mangsa-mangsa seperti keperluan makanan atau bekalan pakaian seperti selimut dan tikar.

Bantuan makanan untuk mangsa-mangsa banjir akan diberikan bergantung kepada keperluan semasa. Pada kebiasaannya bantuan untuk makanan bagi mangsa-mangsa banjir akan dibuat seperti masak makanan secara gotong-royong atau akan diberi bungkusan makanan oleh Jabatan Kebajikan. Mengikut peraturan yang telah ditentukan, semua mangsa banjir akan diberikan bantuan makanan sekiranya mereka berpindah ke pusat-pusat perpindahan yang disediakan. Ini dilakukan untuk kepentingan seperti memudahkan kakitangan Jabatan Kebajikan menyelia dan menyediakan keperluan makanan dan juga mengelakkan mangsa-mangsa daripada terdedah kepada keadaan merbahaya sekiranya mereka tidak berpindah ke pusat-pusat perpindahan apabila rumah-rumah mereka ditenggalami oleh air. Pada kebiasaannya banjir kilat yang berlaku yang tidak melibatkan jangka masa panjang, bantuan-bantuan makanan tidak dikeluarkan. Dato' Speaker, berkenaan dengan soal TASKA...(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Minta laluan Yang Berhormat.

Dato' Speaker:

Minta laluan, Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Yang Berhormat Dato' Speaker, tentang keperluan makanan, makanan ini disediakan hanya kepada mangsa-mangsa yang pergi ke pusat. Garis panduan yang sedia ada, saya sudah tahu dan sudah diulang beberapa kali oleh Y.B. Kawasan Perai dan Yang Berhormat-Yang Berhormat lain telah memberi jawapan dulu. Saya ada cadangan baru iaitu pada masa banjir, bukan semua orang ingin pergi ke pusat kecemasan atau sekolah-sekolah yang ditubuhkan sebagai tempat pemindahan untuk masa krisis itu. Ada banyak rumah yang mereka masih boleh tinggal, di atas bilik-bilik di atas rumah. Rumah-rumah kampung yang dibawahnya dinaiki air tetapi di atasnya masih boleh diduduki, tetapi mereka tidak boleh masak dan mereka tidak ingin keluar. Mereka tunggu kerajaan buat sesuatu. Ini masalah dan kalau boleh saya cadang garis panduan ditukar iaitu pada masa banjir itu dana daripada T.Y.T. atau dana-dana kebajikan yang lain boleh disalurkan kepada surau-surau, masjid-masjid yang masak, bungkus dan hantar makanan ini kepada rumah-rumah yang ditenggelami air itu. Ini bukan cadangan yang baru tetapi setiap kali saya bawa isu ini tidak ada solusi atau cara penyelesaian yang baik. Saya harap perkara ini boleh dikaji semula bahawa pada masa banjir tidak payah tunggu mereka keluar dari rumah ke pusat kecemasan. Makanan ini boleh disediakan oleh surau-surau atau ketua-ketua kampung atau NGO's yang ada di sana. Mereka berhak untuk berbuat sesuatu. Berapa bungkus telah diluluskan mereka hantar ke rumah-rumah yang berada dalam situasi itu. Ini hanya ada suatu pertukaran yang ingin saya cadangkan. Harap Yang terhormat dari Perai boleh beri pertimbangan. Terima kasih.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker saya ucap terima kasih kepada Y.B. Datok Keramat ke atas cadangan-cadangan beliau tetapi tiap-tiap daerah ada satu jawatankuasa yang dipengerusikan oleh pegawai daerah atau pegawai pengerusi jawatankuasa keselamatan negeri dan ahli-ahli jawatankuasa ini mengambil beberapa langkah-langkah dan tindakan untuk diangkat oleh beliau pada satu-satu masa kejadian itu. Ini disebabkan untuk membuat persediaan dan mengedarkan bantuan

secara langsung sepertimana yang perlu dan juga mangsa-mangsa yang uzur dan kurang upaya dibenarkan tinggal di rumah masing-masing sekiranya keadaan rumah tidak membahayakan seperti mengambil langkah-langkah itu sedang dan akan diteruskan.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Cheang):

Dato' Speaker boleh beri laluan. Tentang mangsa-mangsa kebakaran, banjir dan juga lain-lain, saya rasa Jabatan Kebajikan sudah buat banyak beri makanan tetapi kita kena lihat keadaan. Banjir kita beri 3 atau 2 hari tidak apa, itu okey kerana banjir ini mungkin tidak lama akan surut juga tetapi kebakaran ini satu masalah yang lain. Umpamanya selepas kebakaran mangsa ditempatkan di satu tempat kediaman sementara. Mereka akan tinggal di situ sehingga ada penempatan semula untuk mereka ini atau membina balik tempat tinggal mereka, jadi mungkin kita lanjutkan bukan 5 hari sahaja tetapi mungkin hingga 10 hari supaya dalam masa bahaya ini dia dapat meneruskan kehidupan seharian. Maknanya saya kata tidak ketat macam sekarang ini 3 hari 2 hari untuk semua keadaan. Kita lihat keadaan kalau perlu panjangkan kita panjangkan mungkin sampai 10 hari. Saya tahu mungkin ada masalah kewangan dari pihak kebajikan. Kita tengok keadaan untuk membuat keputusan.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, memang betul jikalau satu bencana telah berlaku Jabatan Kebajikan akan beri bantuan selama 3 hari dan kadang kala kita beri bantuan selama 1 minggu tetapi terpulang kepada keperluan satu-satu masa dan satu-satu kejadian. Walau bagaimanapun ada juga beberapa NGO's yang bekerjasama dengan Jabatan Kebajikan untuk mengatasi masalah-masalah ini.

Dato' Speaker, berkenaan dengan masalah TASKA yang saya telah jawab yang telah dibangkitkan oleh Ahli Permatang Pasir dan tujuan utama mewujudkan Taman Asuhan Kanan-kanak di agensi kerajaan adalah untuk membolehkan ibu-ibu yang bekerja dapat memberikan jagaan kepada anak-anak mereka bila ada masa lapang dan jabatan-jabatan kerajaan juga sektor swasta adalah digalakkan mewujudkan TASKA seperti ini di tempat kerja masing-masing. Jabatan Kebajikan Masyarakat bersedia membantu dan juga memberi nasihat dan pandangan untuk menubuhkan TASKA supaya ianya dapat berfungsi mengikut kawal selia dan peraturan yang ditetapkan. Pada masa sekarang ada 1 TASKA kerajaan dan lebih kurang 92 TASKA swasta di Negeri Pulau Pinang.

Berkenaan dengan bilangan doktor-doktor di hospital-hospital kerajaan yang dibangkitkan oleh Ahli Penanti. Sehingga Disember 2000 nisbah bilangan pegawai perubatan kepada penduduk di Negeri Pulau Pinang ialah 1 : 1116. Jumlah keseluruhan jawatan pegawai perubatan di Negeri Pulau Pinang ialah 623 orang doktor. Jumlah pengisian jawatan masa sekarang ialah 407 doktor, kekosongan ialah 216 doktor di hospital-hospital Pulau Pinang.

Kementerian Kesihatan Malaysia telah mengambil beberapa langkah dan tindakan untuk menampung kekurangan doktor-doktor di Negeri Pulau Pinang ini. Peningkatan seperti meningkatkan kadar kemasukan pelajar perubatan di universiti tempatan di mana ini secara langsung meningkatkan keluaran doktor-doktor tempatan dan juga cadangan pengambilan doktor dari luar negeri untuk berkhidmat secara kontrak dari negeri Indonesia, India, Pakistan dan Burma. Menaikkan gaji dan elaun doktor-doktor supaya menggalakkan doktor-doktor terus berkhidmat dengan kerajaan.

Berkenaan dengan warga tua, walaupun potensi fizikal warga tua telah merosot namun tidak bermakna potensi intelek, kreativiti dan pengalamannya turut merosot. Sebenarnya banyak bidang yang masih diteruskan kejayaannya biarpun telah mencapai usia persaraan seperti bidang kedoktoran, perguruan, penulisan dan sebagainya. Disebabkan kerajaan telah menyedari potensi besar warga tua sebagai sumbangannya kepada masyarakat dan negara maka mereka digalakkan menyertai dalam beberapa badan-badan sukarela yang menjalankan aktiviti untuk memajukan kumpulan sasar tertentu.

Dato' Speaker, berkenaan dengan soal (SERI) Institut Kajian Sosio-Ekonomi & Alam Sekitar yang telah dibuat oleh kerajaan negeri, Y.B. dari Jawi telah sekali lagi membangkitkan isu berkenaan ini. Seperti apa yang telah saya katakan beberapa kali dulu tumpuan kerajaan negeri dalam hal ini adalah terhadap pendidikan. Setakat ini beberapa program telahpun dilancarkan bagi meningkatkan prestasi akademik pelajar-pelajar India. Ini adalah berasaskan kepada kepercayaan bahawa pendidikan merupakan satu-satunya alat yang berkesan dalam meningkatkan status sosial ekonomi kaum India di Pulau Pinang. Selain daripada pendidikan kerajaan negeri juga akan memastikan bahawa golongan miskin termasuk kaum India yang berpendapatan rendah akan ditawarkan perumahan kos rendah dan juga latihan guna untuk menyampaikan kemahiran kepada mereka selepas sekolah menengah diberikan kepada pemuda kaum India. Tujuan di sini adalah untuk melengkapkan mereka dengan kemahiran yang selaras dengan kehendak industri dan justeru menaikkan harapan pemuda-pemuda kaum India mendapat pekerjaan.

Di antara institusi-institusi yang menawarkan peluang-peluang latihan kepada kaum India adalah seperti PSDC, Politeknik Seberang Perai dan juga *Japan Malaysia Technical Institute* dengan izin. Selain daripada itu baru-baru ini Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah melaksanakan satu program iaitu Amanah Ikhtiar Malaysia di mana ibu-ibu tunggal kaum India dan miskin telah diberi latihan untuk menjalankan perniagaan kecil dan seramai 150 orang kaum India yang termiskin telah dikenal pasti dan program ini telah dijalankan pada masa sekarang. Sekian.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Penjelasan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Yang Berhormat Dato' Speaker, bukan saya mahu bangkitkan berulang-ulang berkenaan dengan masalah yang dihadapi oleh kaum India. Dua tiga tahun dahulu saya bangkitkan, lepas itu kerajaan ambil tindakan untuk minta SERI buat satu kajian. Lepas buat tindakan dua tiga tahun kerana kita tidak dapat laporan, maka saya bangkitkan pada persidangan penggal baru-baru ini dan saya diberitahu bahawa saya boleh memperolehi laporan dan masa kita membincangkan PSDP2, ini adalah rancangan untuk 10 tahun maka saya ada meminta supaya adakah program-program yang spesifik yang akan dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menolong mereka dan memang saya tidak diberi jawapan dengan spesifiknya berkenaan cara bagaimana meningkatkan taraf ekonomi mereka. Jadi bila sampai rancangan Negeri Pulau Pinang untuk lima tahun memang saya bangkitkan kerana ini adalah rancangan yang spesifik, maka saya gembiralah bila saya dengar bahawa Yang Berhormat Yang akan dilaksanakan akan dirancang dan dilaksanakan oleh pihak kerajaan untuk menolong mereka dan memang saya tidak diberi dengan spesifiknya jawapan dengan spesifiknya berkenaan cara macam mana meningkatkan taraf ekonomi mereka. Jadi sampai Rancangan Negeri Pulau Pinang untuk 5 Tahun. Memang saya bangkitkan ini adalah rancangan yang spesifik maka saya gembira bila saya dengar bahawa Y.B. daripada Perai kata kita memang sudah ada sediakan beberapa projek. Itu yang rakyat mengalu-alukan dan bila saya baca dalam muka surat 8 (16) ada dua perenggan yang menyentuh berkenaan dengan pelaksanaan program untuk golongan minoriti yang

terpinggir iaitu khususnya dia kata untuk orang India. Tapi di sini dia tidak sebut berapa jumlah peruntukan telah disediakan khususnya untuk menolong mereka. Dia Cuma kata peruntukan akan disediakan tapi kita tidak tahu berapa. Jadi saya mahu tahu berapakah peruntukan kerajaan negeri Pulau Pinang sudah *set a side* sediakan untuk tolong untuk tempoh 5 tahun ini golongan yang tercicir ini khususnya kaum India. Memandangkan kita Kerajaan Negeri Pulau Pinang sediakan satu tahun, RM100 ribu *I think or* RM1 juta saya tidak lupa untuk gerai jualan tuak ada bagi gerai. Jadi untuk tolong kaum India ini dari segi meningkatkan ekonomi dan pelaksanaan aktiviti yang lain saya mahu tahu adakah peruntukan telah disediakan. Terima kasih Y.B. daripada Perai.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Dato' Speaker, berkenaan dengan sosial ekonomi tadi ini apabila kajian ini sudah disiapkan saya ada buat satu pembaharuan, pemberitaan kepada saya bagi panggil satu laporan dan telah diberi kepada surat khabar pada bulan Mei 2000 dan dalam itu surat khabar apa yang saya sudah kata semua yang mahu tahu apa yang telah dibuat oleh SERI ini boleh diterimakan *reportnya* daripada Pejabat Setiausaha. Itu dalam Mei 2000 saya sudah sebut di surat khabar. Semua surat khabar ada laporan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Surat khabar apa itu?

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Semua surat khabar ada laporan.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Semua surat khabar.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Ya, ya.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Jadi Y.B. Perai harapkan kita baca daripada surat khabar dan...(gangguan).

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Bukan, saya sudah bagi tahu berkenaan dengan *report*.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Saya tidak tahu, saya tidak maksud.

Ahli Kawasan Perai (Y.B. Dato' Dr. Rajapathy a/l Kuppusamy):

Kalau Y.B. daripada Perai tidak baca masa itu saya tidak tanggung jawablah.. (gangguan). Jawi, *sorry*. Selain daripada itu setakat sekarang kita tisdak tahu beberapa peruntukan telah ditepikan untuk menaikkan taraf sosial ekonomi kaum India dan apabila kerajaan negeri sudah menentukan satu perbelanjaannya kita boleh bagi tahu ahli dari Jawilah, Sekian, terima kasih. Saya memohon menyokonglah.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Penjelasan, penjelasan, penjelasan.

Dato' Speaker,

Habislah Y.B. Jawi. Ya Timbalan Ketua Menteri.

Timbalan Ketua Menteri:

Yang Berhormat Dato' Speaker, saya juga ingin mengambil bahagian di dalam perbahasan ini.

Dato' Speaker, saya ucapkan terima kasih banyak kepada rakan-rakan sekian yang telahpun mengambil bahagian dan memberi pandangan-pandangan yang menasabah atau yang boleh dipertimbangkan untuk kita rancang untuk masa depan 5 tahun kita untuk Pulau Pinang. Saya minta maaf kerana tidak dapat bersama dalam perbahasan dua hari pertama itu kerana saya terpaksa menghadiri Majlis Raja-Raja dan tapi apa yang saya dengar daripada laporan-laporan ialah bahawa perbahasan itu amat panas, hari pertama dan kedua, panas bila pembangkang berbahas dengan pihak pembangkang tapi lebih panas bila pihak kerajaan berbahas bersama-sama dengan pihak kerajaan. Maknanya lain kali tidak payah ada pihak pembangkang. Saya fikir semuanya *concern* tentang pembangunan kita dan ini adalah satu perbincangan yang saya kira amat baik untuk semua pihak. Ada disebut tentang artau dbincang hebat berkenaan dengan Mini Putrajaya ini.

Sebenarnya Dato' Speaker, Mini Putrajaya adalah satu perkara yang, satu idea yang telah berbangkit apabila kita berbincang atau berfikir tentang perlunya satu Dewan, Dewan Undangan Negeri yang baru dan pihak kerajaan telah menubuhkan satu jawatankuasa yang telah dipengerusikan oleh Dato' Speaker sendiri. Dato' Speaker pun telah pergi *round* semua seluruh Malaysia, bukan semualah, negeri-negeri yang tertentu untuk melihat bentuk-bentuk *State Assembly* ini ataupun Dewan Undangan Negeri dan apabila kita lihat semula perkara ini mungkin baik juga kita bincang tentang masa depan Pusat Pentadbiran kita. Memanglah saya bersetujulah bahawa masa dulu, 30 tahun dulu masa Tun Lim Chong Eu telahpun menetapkan Georgetown dan kawasan KOMTAR itu dijadikan Pusat Pentadbiran Negeri 30 tahun dulu. Masa itu Pulau Pinang belum bangun lagi yang ada nampak jelas pembangunan ialah di Georgetown tapi sekarang ini pembangunan telah merata-rata sampai ke Jawi merata tempat. Kalau kita lihat di Pulau ambil contohnya, di Pulau ini pembangunan sudah merebak sampai ke Jelutong, Bayan Baru sampai ke Batu Maung hingga ke Bayan Lepas, Telok Kumbar di Pulau dan di Seberang Perai pembangunan berlaku di Bertam turun ke Seberang Jaya, Bukit Mertajam, Bukit Minyak sekarang hendak turun ke Batu Kawan, Nibong Tebal dan kita pula cadang pihak kerajaan negeri ini cadang dan dipersetujui oleh kerajaan pusat supaya kita tempatkan, letakkan jambatan kedua iaitu di Selatan daripada Batu Maung sehingga ke Batu Kawan. Makna kawasan ini, kawasan yang dilingkungi oleh Jambatan Pulau Pinang Pertama ini dengan Jambatan Pulau Pinang Kedua ini adalah satu kawasan yang akan membangun pesat. Jadi kita kena fikir Dato' Speaker tentang pembangunan keseluruhan bukan hanya di Georgetown sahaja. Orang Nibong Tebal, orang Bukit Mertajam pun hendak nikmat pembangunan itu termasuk Jawi hendak nikmat pembangunan itu. Jadi jangan kita fikir bahawa Pulau Pinang akan kekal begini dengan trafik *jamnya*, mungkin masa depan kita ada rancangan lain atau kita patut rancang supaya segala sistem *communication* kita lebih baik, *transport* kita lebih baik. Kita lihat contoh Putrajaya contohnya. Putrajaya dipindahkan tapi hari ini ada rancangan menyambung Putrajaya dengan Kuala Lumpur dengan LRT. Memudahkan setengah jam sampai dan hari ini Kuala Lumpur tidak mati. Kuala Lumpur tidak mati dia semakin jam saja, makin ramai juga orang dan kita kena fikir tentang masa depan. Apa yang ada hari ini kita hendak kekalkan tidak mahu buat perubahan makna kita kena fikir tentang apa yang orang Nibong Tebal dapat, apa orang Bukit Mertajam dapat dari segi pembangunan ini. Maknanya kita hendak supaya pembangunan menyeluruh, menyeluruh bukan hanya tertumpu pada Georgetown.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan.

Timbalan Ketua Menteri:

Nanti sekejap. Jadi maknanya saya nampak Tuan Speaker, Dato' Speaker bahawa satu kawasan pembangunan yang besar akan berlaku yang melingkungi bahagian timur pulau dan bahagian daripada Seberang Jaya atau pun Bertam sehingga ke Nibong Tebal dan patut kita lihat kesemuanya sekali dan kita cari jalan bagaimana kita hendak sambung ke semuanya sekali dan sebab itu bila Ketua Menteri sebut, Yang Amat Berhormat sebut bahawa kita perlu adakan Dewan Undangan baru dan bila kita bincang di peringkat EXCO kita bersetuju hendak *explore*, hendak *explore* dengan izin kemungkinan kita ubah KOMTAR, pentadbiran kepada kawasan baru. Ini cadangan kita dan kita tentulah bila kita hendak rancang kita ambil kira semuanya ialah tentang kepentingan perniagaan, tentang kemudahan masalah kakitangan kita yang hendak berulang-alik. Jadi semuanya kita ambil tahu, kita kena pertimbangkan semua sekali. Jadi kita tidak payah jadi emosional dan saya hendak bagi tahu tuan-tuan kita sebagai sebuah kerajaan Barisan Nasional kita berunding, kita tidak buat keputusan satu parti, buat keputusan kemudian kita *impose* kepada parti-parti lain, tidak, kita berunding dulu janganlah anggap saya tahu, saya pun ikut perkembangan apa yang berlaku di dalam masyarakat kita ada yang menuduh bahawa pihak UMNO cuba *dominate* parti-parti lain. Tahun 1990, UMNO menang banyak, MCA kalah semua, Gerakan kalah juga. Tinggal berapa kerusi saja. Tujuh kerusi tapi Ketua Menteri tetap balik Gerakan dan kita tidak pernah *claim* pun, UMNO tidak pernah *claim* kata kami sudah satu parti yang banyak kerusi, kami hendak ambil alih Ketua Menteri, tidak. Tidak pernah timbul pun, ini satu pakatan yang hebat yang cukup baik yang telah berjalan selama ini dan kita hormati pakatan seperti ini dan tidak pernah timbul satu usaha, kita pihak UMNO, saya mewakili UMNO tidak ada timbul bahawa kita cuba *dominate* kerajaan ini, tidak. Kita bermesyuarat, sentiasa mesyuarat dan kita *in contact all the time* kalau ada apa-apa masalah kita berbincang bersama. Kalau saya ada masalah kita bincang dengan Ketua Menteri dan rakan-rakan yang lain begitu juga Ketua Menteri jika ada masalah bincang dengan kita semua. Tidak timbul masalah parti lain cuba *dominate* parti lain, tidak. Saya menafikan bahawa kita cuba untuk hendak *dominate* dan sebagainya. Jadi harapan saya bahawa isu ini patut tidak pun dibincang isu-isu politik, saya tidak mahu rancangan masa depan untuk Pulau Pinang di politikkan. Ini tidak baik untuk rakyat. Jadi kita perlu, kita rancang cara logikal cara yang terbaik cara yang terperinci untuk seluruh masyarakat kita.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Batu Lancang.

Timbalan Ketua Menteri:

Siapa dulu.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Saya dulu. Dato' Speaker, Y.B. Telok Bahang tadi ada mengatakan bahawa pembinaan KOMTAR sejak 30 tahun, saya akan membetulkan. Sepatutnya hanya 80-an lebih baru ditubuhkan KOMTAR bukan 30 tahun dan perpindahan ini kompleks kerajaan ke tempat lain, saya setuju bahawa Dewan boleh dipindahkan tetapi bukan pusat kerajaan negeri kerana KOMTAR ditubuhkan objektifnya, matlamatnya adalah untuk mengukuhkan kerajaan-kerajaan di satu tempat, kalau kerajaan negeri setengah pejabat di pindah, setengah pejabat tidak dipindah, memang agak susah untuk matlamat yang dulu dirancang. Memang untuk pejabat-pejabat yang lain di dalam KOMTAR memang susah juga kalau kerajaan, kewangan di pindah di sana Majlis Perbandaran memang agak susah juga dan tadi kata Y.B. Telok Bahang kata tidak ada politik di dalam rancangan ini tetapi saya rasa MCA semua tidak tahu berkenaan dengan *especially* EXCO tidak tahu di bincangkan dan ini adalah satu, selalunya saya rasalah selalunya adalah rancangan-rancangan yang besar hanya di bincang di antara UMNO dan Gerakan saja dan berkenaan dengan satu lagi yang kata Ahli-ahli dari Barisan National *back benchers* ada berkesan lebih berkesan daripada ahli pembangkang dalam hal ini kita akan tengok siapa yang bangkang sampai akhirnya.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, ini ahli Batu Lancang dia pandai cucuk ini. Dalam EXCO semua ada.

Dato' Speaker:

Penjelasan, Kebun Bunga.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Penjelasan sikit, hendak tanya saja bagaimana Batu Lancang tahu sedang dan tahu bahawa EXCO MCA tidak tahu tadi perkara-perkara yang penting bagaimana Batu Lancang tahu. Batu Lancang, DAP ke apa ke? Bagaimana Batu Lancang tahu.

Dato' Speaker:

Batu Lancang pun ketua juga.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Ahli Batu Lancang wakil rakyat kerajaan tetapi ahli Batu Lancang juga DAP sebab saya tahu kerana Datok Keramat minta penjelasan daripada Ketua Menteri adakah EXCO mesyuarat dengan hal ini? Ketua Menteri tidak berani jawab soalan ini dan bukan soalan ini saja soalan yang lain kita pun fahamlah.

Timbalan Ketua Menteri:

Itulah Batu Lancang kerja dia memang kerja cucuk orang. Dia bukan doktor tapi dia pandai cucuk orang.

Dato' Speaker:

Pandangan itu diterimalah, pandangan.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, memang tiap-tiap keputusan yang dibuat, cadangan idea, semua dibawa kepada EXCO dan kita bincang, setuju untuk apa-apa juga bincangan antara Gerakan dengan UMNO ke tidak, semua sekali. Jadi tidak timbul lain kali jangan cucuk. Doktor pun ada banyak macam juga. Ada yang boleh cucuk ada yang tidak boleh cucuk, yang ini tidak tahu kategori mana, mungkin yang satu ini Pusat Serenti punya(gangguan).

Dato' Speaker:

Penjelasan, Ahli Kawasan Jawi.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Penjelasan, terima kasih Y.B. Dato' Speaker peluang yang telah diberi kepada saya. Saya tidak tahu bila Y.B. daripada Telok Bahang tidak ada di dalam Dewan ini dan Yang Berhormat dengar bahawa perbahasan dalam Dewan ini nampak macam ayat yang digunakan emosional. Saya rasa kita tidak emosional dan berkenaan dengan isu Parti UMNO cuma hendak *dominant* kan kerajaan ini dengan parti yang lain saya rasa isu ini tidak berbangkit, tidak pernah dalam ucapan saya tidak pernah sebut perkara begini dan memang kita sebagai ahli *back benchers* daripada Barisan Nasional pada tahun 1995, kita di minta Y.A.B. Ketua Menteri sendiri supaya memainkan peranan untuk *check and balance* kerana waktu itu kita cuma ada satu Ahli Dewan Undangan Negeri daripada parti pembangkang, jadi rakyat di Pulau Pinang tidak sama sekali seperti negeri lain dari segi minda politik mereka. Kenapa Dewan Undangan ini merupakan satu Dewan yang begitu aktif sekali di seluruh Negara Malaysia oleh sebab minda rakyat Negeri Pulau Pinang memang berbeza dan mereka tumpu tiap-tiap kali pilihan raya ke Negeri Pulau Pinang, prestasi pilihan raya dan *result* dan jadi kita sebagai wakil rakyat kita kena mainkan peranan kita yang mana telah di amanahkan dan yang mana Y.A.B. Ketua Menteri sendiri minta supaya kita mainkan peranan. Tetapi saya rasa sedikit kesal kerana apabila saya bangkitkan masalah seolah-olah saya di *press* sebagai parti pembangkang pada hal saya daripada Barisan Nasional hingga tempat saya ada juga ahli politik dari Barisan Nasional kata apa ini Barisan Nasional wakil rakyat kah? Cakap seperti pembangkang, kita sayang, kita kasih kepada Barisan Nasional maka kita bangkitkan masalah yang dihadapi oleh rakyat bukan agenda sendiri tidak langsung.

Y.B. daripada Telok Bahang saya rasa boleh tahu pendirian saya semenjak tahun 1995 sehingga hari ini cara saya tidak pernah berubah, saya menceburi politik cuma hendak menolong rakyat itu saja. Kalau hendak dibandingkan dari dulu pekerja peribadi saya dalam bidang komputer lebih baik daripada dalam politik. Saya tidak tahu kenapa isu politik ini dibangkitkan? Tadi Y.B. dari Telok Bahang berkata kalau kita bangunkan Mini Putrajaya di Bayan Baru ini lebih dekat dengan Nibong Tebal, lebih dekat dengan Jawi, lebih dekat dengan Seberang Perai Selatan patut lebih baik, kenapa saya mahu bangkitkan kalau kita menikmati? Saya bangkitkan bukan atas sebab apa-apa tetapi saya tanya Y.A.B. Ketua Menteri, kenapa projek yang begitu besar sekali, yang begitu raksasa yang mana telah tercatat dalam RNPP1 dengan jelasnya tidak diucap dalam ucapannya? Itu soalnya pokok isu yang saya bangkitkan dan kenapa peruntukan RM107 juta ini yang begitu besar menurut RNPP1 untuk membina pusat pentadbiran Negeri Pulau Pinang yang baru di Bayan Baru yang mana tanahnya dibekalkan, tanah

kerajaan yang mana ditebus guna oleh PDC 100 ekar dan ruang tanah akan dibina adalah 20 – 30 ekar untuk pusat pentadbiran Negeri Pulau Pinang termasuk Pejabat Ketua Menteri, Pejabat EXCO, Pejabat SUK, Pejabat Kewangan dan beberapa jabatan yang lain yang tidak ditentukan, itu yang disenaraikan dan saya baca dan saya sudah buat *home work*, Y.A.B. Ketua Menteri kata saya tidak buat *home work*, saya sudah buat *home work*, sampai habis. Maka saya rasa ini adalah satu projek yang menyentuh hati rakyat khususnya yang tinggal dalam Georgetown maka saya bangkitkan itu saja Y.B. daripada Telok Bahang, tidak ada unsur politik yang mana Y.B. daripada Telok Bahang dengar ini, tidak tahulah siapa beri maklumat, saya rasa maklumat ini tidak betul langsung. Tetapi saya bangkit atas sebab yang tadi saya telah beritahu dan memandangkan sekarang menghadapi kelembapan patutkah kerajaan belanja sebanyak RM107 juta sekarang untuk bina satu Mini Putrajaya, adakah ia berpatutan dan adakah memerlukan nya sekarang? Bila kita nampak di KOMTAR masih ada 30 peratus ruang kosong yang tidak di penuhkan lagi, itu wang pembayar cukai yang kita sebagai wakil rakyat, kita bertanggungjawab dan berkenaan dengan tanah kita sering dengar bahawa kerajaan tidak cukup tanah untuk membina rumah kos rendah dan isu rumah kos rendah untuk penduduk golongan berpendapatan rendah di Negeri Pulau Pinang ini isu ini telah dibangkitkan dalam beberapa penggal dan berapa tahun jadi sebagai satu kerajaan yang berprihatin.... (gangguan).

Dato' Speaker:

Y.B. sudah ulang berapa kali, faham sudah perkara itu.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Bukan, Y.B. daripada Telok Bahang tidak ada, dia tidak ada dalam Dewan.

Dato' Speaker:

Sekarang dia hendak jawab, dia pun faham.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Bukan, jadi apa yang saya bangkitkan beberapa isu yang mana telah dibangkitkan oleh Y.B. daripada Telok Bahang, kita anggap Y.A.B. Ketua Menteri mahu jawab hari ini tetapi nampak Y.B. dari Telok Bahang jawab, jadi saya kena beritahulah.

Dato' Speaker:

Nanti ada jawapan daripada Y.A.B. Ketua Menteri.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Ada lagi, saya tidak tahu, minta maaf. Jadi berkenaan dengan rumah kos rendah, tanah kalau tidak cukup tapi kalau hendak bina Mini Putrajaya kita kena ambil perkiraan balas respon daripada rakyat itu saja jadi sebagai wakil rakyat Barisan Nasional yang prihatin daya mahu Barisan Nasional kekal menang itu sebab saya bangkitkan. Jadi jangan pihak EXCO salah faham, kita tidak ada apa unsur hendak hentam, hendak bantah, hendak jatuhkan kerajaan.

Dato' Speaker:

Ya Yang Berhormat *point* itu kita sudah faham.

Ahli Kawasan Jawi (Y.B. Puan Tan Cheng Liang):

Terima kasih.

Dato' Speaker:

Kepala Batas ada banyak tanah kalau hendak pergi ke sana pun boleh juga.

Timbalan Ketua Menteri:

Saya tidak sebut nama Jawi atau nama sesiapa sebenarnya saya sayang kepada Jawi ini. Sebenarnya saya sebut perdebatan hangat antara pihak pembangkang tetapi lebih hangat antara pihak kerajaan dengan kerajaan, saya tidak sebut pihak *back benchers* ini jadi pembangkang tidak.

Sebenarnya Dato' Speaker, kita agak terkeliru sedikit apabila kita bincang biasanya kita bincang tentang belanjawan dan bila kita sebut belanjawan bermakna kita kena habiskan wang itu ikut apa yang dicadangkan dalam tahun semasa. Ini kita bincang tentang rancangan lima tahun dia bukan belanjawan seperti hendak kita bincang selepas ini. Jadi rancangan lima tahun adalah satu rancangan panjang apa yang disebut itu boleh diubah-ubah dan berbagai-bagai bukan belanjawan mesti belanja habis, jadi kita jangan keliru itu makna bila disebut dalam buku merah ini, itu cadangan jangka panjang, kita boleh ubah-ubah bila kita buat kajian terperinci oleh diubah-ubah, jadi kita jangan keliru bahawa seperti kita bincang PSDP11, ini pun serupa juga bukan mesti ikut apa yang disebut boleh diubah-ubah bila kita sampai masa ini hendak dilaksanakan..... (gangguan).

Dato' Speaker:

Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Dato' Speaker, saya hendak buat penjelasan berkaitan dengan pindah pusat pentadbiran kerajaan negeri ke Bayan Baru, ada berkaitan dengan Rancangan Negeri Pulau Pinang 5 tahun. Dato' Speaker, kita tidak menentang *second link* buat di selatan pulau dan saya tidak menghalang cadangan memindahkan Dewan Undangan Negeri ke Bayan Baru tetapi kita tidak setuju pindah pusat pentadbiran ke Bayan Baru sebab pusat pentadbiran mengandungi Pejabat Y.A.B. Ketua Menteri, Pejabat Ahli EXCO, Pejabat SUK, Pejabat Kewangan ini bermakna ibu pejabat. Ibarat Kerajaan Pusat hendak pindah ke selatan, ini memang tidak sesuai sebab kalau di lain negara kalau berpindah ke lain generasi, kita hendaklah jaga baik-baik dan mengambil berat dan perhatian. Seperti yang diketahui KOMTAR mempunyai satu projek yang besar 30, 40 tahun tetapi masa kini KOMTAR belum siap, KOMTAR ada 5 fasa, baru siap 2 fasa tengah sahaja, luar fasa tengah belum siap tetapi sekarang kerajaan negeri hendak meninggalkan KOMTAR dan berpindah ke lain tempat, ini tidak sesuai dan Georgetown adalah akar umbi Pulau Pinang. Kalau kita pindah Georgetown adalah satu bandar yang bersejarah sebelum Kuala Lumpur, Johor Bahru, Ipoh sebelum itu Georgetown telah menjadi satu mutiara *oriental* dengan izin atau mutiara timur. Kalau kita pindah akan menjejaskan Georgetown *situation* dengan izin dan juga... (gangguan).

Dato' Speaker:

Hari itu pun cakap perkara ini Pengkalan Kota.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Tetapi saya hari ini saya nampak Ahli EXCO bersetuju untuk berpindah pusat pentadbiran ke Bayan Baru ini saya khuatir sebab itu saya ulang sekali lagi. Dari segi *situation*, *feng shui situation* Georgetown berdekatan dengan *midland* dengan izin 8 kilometer sahaja tetapi Bayan Baru jalan melalui *Green Lane* 22 kilometer, jauh, *situation*. Sekarang EXCO dari Butterworth hendak datang ke sini senang sahaja boleh menggunakan jambatan dan feri keutamaan ini begitu dekat. Kedua, dari Tanjung Bunga pun senang, Balik Pulau pun senang kalau Balik Pulau melalui Paya Terubong terus ke sini lebih kurang 30 minit sahaja, kalau pergi ke Bayan Baru pun sama juga. Sekiranya dalam *situation* ini mengapa hendak pergi sana, saya pun hairan. Ini membajir wang kita sahaja.

Dato' Speaker:

Membazir, Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Dalam Bahasa Cina, bajir dan banjir sama saja, "*langyuion*". Bazir, membazir.

Dato' Speaker:

Y.B. Pengkalan Kota, ini dalam masa penjelasan oleh Y.B. Telok Bahang. Saya fikir Y.B. Telok Bahang belum habis lagi penjelasan beliau, belum lagi. Yang Berhormat tengok sahaja sudah benci, cuba kenal dahulu, orang kata tidak kenal tidak cinta.....(ketawa).

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Isu ini saya takut nanti Y.B. Telok Kumbar, maaf, Telok Bahang pergi ke lain isu, sebab itu saya ambil peluang ini, nanti dia pergi ke lain isu, saya hendak sentuh susah sedikit. Saya orang Georgetown dan mestilah mencerminkan perasaan rakyat Georgetown. Sekiranya mereka berpindah ke sana, sayang tahu. Di samping itu pengkalan kita pun di sana seperti Pengkalan Kota dan Pengkalan Weld yang dekat dengan Georgetown. Tidak ada *traffic jam* di kawasan sana, dengan pembinaan Jelutong *Expressway* tidak ada *traffic jam* lagi. Mengapa kita buat Jelutong *Expressway*, untuk apa, untuk menyelesaikan masalah kesesakan trafik di Georgetown.

Dato' Speaker:

Saya ingat kita semua ini orang Penang, ada juga orang Georgetown juga ya.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Bukan, kita memang orang Penang tetapi Penang dalam kawasan Tanjong, Georgetown dalam kawasan Tanjong. Ahli Kawasan Pengkalan Kota pun orang Tanjong, tahu...(ketawa). Tidak boleh *si*...(bahasa Cina)..., empat. Sekiranya kita tidak mahu jaga baik-baik, Tanjong boleh "*si*", Tanjong 4, belum mari lagi, Tanjong 3 sudah habis. Sebab itu dari segi *status* Georgetown patut dikekalkan sebagai ibu pejabat Pulau Pinang dan pusat pentadbiran patut dikekalkan juga di sini.

Dari zaman *Independence*, dengan izin iaitu pada tahun 1957 sehingga sekarang Pejabat Ketua Menteri kita di Georgetown, di Tanjong tetapi sekarang bercadang untuk berpindah ke Bayan Baru, memang ini tidak sesuai. Kalau lain Ketua Menteri tidak mengapa, tetapi kita kena jaga akar umbi...(gangguan)...(ketawa). Sekiranya berpindah memang tidak bagus dan ia juga boleh menjejaskan kemakmuran Georgetown sebab kita di sini tidak sama dengan Kuala Lumpur. Georgetown sekarang sedang menghadapi *population* yang menurun kerana mereka sudah berpindah ke Bayan Baru.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat, kalau Yang Berhormat pakai baju tidak mahu tukar-tukar, mahu pakai satu.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Okey saya akan pendekkan *mini skirt* saya, *short and sweet*. Tadi saya telah cakap, Kuala Lumpur dan Pulau Pinang tidak sama, Georgetown sekarang menghadapi masalah penurunan *population* dan sedang menjadi bandar mati, bandar hantu, sebab itu hendak berpindah memang tidak sesuai. Kerajaan negeri boleh buat banyak cadangan, mengapa tidak mahu kembalikan kemakmuran Georgetown, ini *very important*. Kita mesti siapkan projek-projek KOMTAR dan mengembalikan kemakmuran di Georgetown, itu sahaja.

Dato' Speaker:

Baiklah Yang Berhormat, sudah cukup jelas dan cukup terang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Dato' Speaker, boleh beri peluang kepada saya.

Dato' Speaker:

Ya, Y.B. Datok Keramat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Terima kasih. Yang Berhormat EXCO Telok Bahang telah menyebutkan bahawa pada tahun 1990, walaupun Parti Gerakan telah mendapat sebanyak 7 kerusi, UMNO 12 kerusi, jawatan Ketua Menteri diberikan kepada Parti Gerakan. Ini adalah satu sejarah dan saya pun

mengatakan ini adalah betul oleh kerana UMNO tidak mahu *dominate* kerajaan negeri atau di mana-manapun tetapi pada masa itu tidak ada satu pun kerusi MCA. Perasaan MCA tidak perlu diambil kira oleh kerana mereka telah kalah dalam pilihan raya. Selepas pilihan raya tahun 1999 MCA walaupun dapat 9 kerusi 100% dan dua ahli iaitu Ahli dari Bayan Lepas dan saya selepas mencapai satu keputusan meninggalkan Parti Gerakan, dan sebulan kemudian menyertai Parti MCA dan kerusi MCA telah bertambah menjadi 11. Perasaan MCA harus diambil perhatian, itu sahaja. Tidak ada orang yang menuduh sesiapa di dalam Dewan ini dan di luar Dewan bahawa UMNO mahu *dominate*. Ini adalah satu anggapan yang tidak betul kalau ada orang buat tuduhan sebegitu, saya mesti cakap bahawa ini tidak betul. Tetapi perasaan MCA, bagaimana MCA boleh memainkan peranan yang lebih penting dalam politik Pulau Pinang, ini adalah agenda MCA. Ini tidak salah, parti mana pun mahu memainkan peranan yang lebih penting tetapi mesti mendapat.... (gangguan).

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Dato' Speaker, saya minta laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya belum habis lagi.

Dato' Speaker:

Minta laluan daripada Y.B. Telok Bahang. Y.B. Datok Keramat belum habis lagi, dia tidak beri laluan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Selepas satu keputusan yang dibuat oleh Barisan Nasional oleh kepimpinan yang tertinggi iaitu tentang kuota EXCO dan lain-lain, ini pun diterima oleh MCA dan tidak ada kacau lagi pada masa ini. Satu kerusi tambahan telah diberi kepada MCA sebagai Timbalan Speaker, Y.B. Berapit menjadi Timbalan Speaker ini telah diterima dengan baik. MCA pada masa sekarang berucap, sebagai *back benchers* MCA berucap di Dewan ini bukan kerana masih tidak berpuas hati dengan situasi ini, bukan, tetapi perasaan akar-umbi MCA masih tidak selesai. Ini perkara sebenarnya, saya tidak boleh menipu dan kata tidak ada masalah. Ini pun menjadi satu isu dan mungkin ini akan diselesaikan (gangguan).

Dato' Speaker:

Bab-bab politik dalam Barisan Nasional, saya rasa boleh selesai di luar Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Okey, saya akan pendekkan isu iaitu isu ini akan diselesaikan pada pilihan raya akan datang. Rakyat mesti buat satu keputusan dan selepas ini Barisan Nasional pun mesti buat satu keputusan. Ini kerana dalam sejarah Pulau Pinang pada satu masa ketika orang MCA pernah menjadi Ketua Menteri Pulau Pinang yang pertama iaitu Tan Sri Wong Pow Nee, jangan lupa. Bukan hanya orang Gerakan sahaja yang boleh menjadi Ketua Menteri, ini bukan hak sesiapa pun, sesiapa yang mendapat sokongan dan mandat orang ramai dan melalui mekanisme demokrasi Barisan Nasional, calon dari parti-parti komponen Barisan boleh menjadi Ketua Menteri. Ini bukan monopoli satu-satu parti. Prestasi adalah mustahak.

Dato' Speaker.

Itu kita faham, Yang Berhormat, itu juga bab politik dan boleh diselesaikan, bila ada pilihan raya biar perkara itu berlaku begitu. Pilihan raya *take its own course*, dengan izin.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya pun setuju dengan pandangan Dato' Speaker. Dari segi perancangan tentang perpindahan pusat kerajaan dari KOMTAR ke Bayan Baru, bukan semua orang membantah. Apa yang dibangkitkan oleh ramai ADUN di sini iaitu notis yang diberi untuk perbahasan adalah pendek, bahawa ini tidak di *highlight* dan diutamakan oleh Y.A.B. Ketua Menteri iaitu tentang isu yang sangat penting yang telah melibatkan perbelanjaan yang sangat hebat, satu projek raksasa yang melibatkan RM107 juta dan di PSDP2 tidak ada disebutkan perkara ini. Mengapa? Ini isu pokok, kalau ini satu rancangan untuk jangka masa panjang, lebih elok ianya dimasukkan dalam PSDP2 yang menjadi Pelan Strategik untuk 10 tahun. Kalau projek ini pendek, *budget* untuk tahun hadapan sahaja iaitu 2002. Ini dicadangkan di dalam *Budget* sahaja. Sekiranya hendak melaksanakan pada masa 5 tahun ini, hanya masuk dalam RNPP1. *What is the hurry?* Ini *question mark*.....(gangguan). Saya belum habis lagi dan saya akan habiskan soalan saya. Ada banyak soalan. Sekiranya projek yang sebegitu kecil iaitu projek JEWAY....(gangguan), maaf, belum habis lagi, saya akan beri peluang kepada Yang Berhormat. Nanti minta kepada Y.B. Telok Bahang.

Sekiranya JEWay boleh disentuh dalam ucapan Ketua Menteri pada RNPP1, mengapa isu memindahkan pusat kerajaan tidak disebutkan, hanya ingin mencadangkan dalam sesi *budget* yang akan datang, ini tidak betul.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon):

Penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya akan habis, ada peluang lagi, EXCO ada peluang, CM pun ada peluang. Bukan jadi CM lagi, nantilah. Boleh tunggu masa untuk jadi CM.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon):

Saya rasa kenyataan yang dibuat oleh Y.B. Datok Keramat(gangguan).

Dato' Speaker:

Sabar sedikit Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Kebun Bunga (Y.B. Dr. Teng Hock Nan):

Peraturan Dato' Speaker, Peraturan 46(ix).

"Seseorang ahli tidak boleh bercakap lebih dari sekali mengenai sebarang cadangan ataupun dibentangkan kepada Dewan melainkan tatkala memberi penerangan ataupun tatkala menegur perbuatan yang melanggar peraturan ataupun tatkala memberi jawapan ataupun tatkala Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa."

Dato' Speaker:

Ya, Yang Berhormat, maksudnya di situ tidak payah diulang-ulang perkara yang telah dibangkitkan, jadi sila ringkaskan jawapan Y.B. itu, saya tahu Y.B. bukan ada berkaitan dengan peraturan ini, cuma saya minta supaya ringkaskan apa yang hendak dibangkitkan itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Segala peraturan setiap kali saya bercakap ada ADUN-ADUN di bawah peraturan sana sini, mahu memberhentikan saya berucap.

Dato' Speaker:

Saya minta supaya Yang Berhormat ringkaskan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Seperti yang dikatakan oleh Y.B. dari Machang Bubuk, kalau ADUN tidak membangkitkan perkara perasaan mereka dalam Dewan ini, mana tempat lagi untuk ADUN menyuarakan suara rakyat. Ini baru surat khabar yang dicetakkan *quotation* dari Y.B. Machang Bubuk, saya gunakan hak ini sebagai wakil rakyat.

Dato' Speaker, saya minta maaf kalau suara saya besar dan tinggi sedikit. Dato' Speaker, konsep tulen ialah untuk mengadakan satu tempat pusat sahaja dan sekarang menjadikan dua pusat sahaja.

Dato' Speaker:

Itu perkara yang barangkali Yang Berhormat tidak berapa setuju.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya cadangkan lebih baik *state assembly* pindah, jangan pindah pusat kerajaan, walaupun alasan diberikan bahawa Pejabat Ketua Menteri, Pejabat Ahli-ahli EXCO, SUK, SFO tidak cukup tempat, tidak begitu seronokkah dalam KOMTAR, saya tidak faham, tidak cukup untuk perkembangan pejabat-pejabat lainkah, atau ruang 30% lagi, ada projek-projek lagi yang lebih penting lagi. Projek-projek perumahan, mengapa tidak dibuat. Boleh jadi pusat lain, pusat komersial, pusat yang berkembang di Bayan Baru, tidak payah pinda segala pejabat kerajaan, walau pun kepala sahaja, sayap-sayap EXCO sahaja, sayap eksekutif sahaja, ini pun tidak boleh terima. Ini ada melanggar konsep KOMTAR, ini menafikan usaha bekas Ketua Menteri Tun Lim. Terima kasih.

Ahli Kawasan Penanti (Y.B. Tuan Haji Abdul Rahman bin Abdul Kadir):

Dato' Speaker, dalam perbahasan saya pada hari pembentangan pada hari kedua, saya telah katakan bahawa corak percakapan dan perbahasan merupakan ada agenda, yang sekarang diakui Y.B. dari Datok Keramat, agenda politik dan dia kata tidak salah dan Y.A.B. Ketua Menteri telah mengatakan apa-apa yang berlaku dalam Dewan ini *back benchers* hentam kerajaan dan sebagainya ialah itu merupakan ialah itu merupakan konsep atau pun dasar amalan Barisan Nasional yang kalau hendak kritik tidak ada apa-apa. Tetapi pada ketika itu Yang Berhormat

dari Telok Bahang tidak ada di sini dan disentuh oleh Y.B. Telok Bahang mengenai dengan hujah-hujah yang dikemukakan oleh ahli-ahli Dewan yang berhormat ini. Saya telah katakan Jawi pun agak megah, bangun, dia tidak ada apa-apa dan pagi ini apa macam, timbullah, saya ingat tadi, bila masuk ke dalam Dewan ada ceramah politik, yang kita tahu ceramah politik telah diharamkan, tetapi ada ceramah politik di dalam Dewan yang mulai ini. Bila kita hendak bincang untuk rakyat, untuk kepentingan rakyat, kertas ini dibentang, bangkitkan perkara-perkara yang menyentuh mengenai RNPP1. Itulah yang saya amat dukacita Yang Berhormat Dato' Speaker. Terima kasih.

Dato' Speaker:

Terima kasih Yang Berhormat.

Ahli Kawasan Machang Bubuk (Y.B. Dato' Dr. Toh Kin Woon):

Dato' Speaker, terlebih dahulu saya ingin mengingatkan Y.B. dari Datok Keramat menghormati hak Ahli Dewan Undangan Negeri menggunakan Dewan Undangan Negeri sebagai forum untuk menyuarakan pandangan mereka, saya tidak sedikit pun membangkang sesiapa menggunakan forum ini untuk kritik, meluahkan perasaan rakyat di Dewan yang mulai ini. Ini satu, yang kedua, cuma hendak menjelaskan bahawa Pelan Strategik Pulau Pinang merupakan satu pelan strategik, itu merupakan satu jangka panjang di mana kita menetapkan apakah wawasan, apakah cabaran, apakah strategik jangka panjang untuk menangani cabaran ini untuk mencapai wawasan. Jadi biasanya setahu saya dalam perancangan jangka panjang dalam masa 10 tahun kita tidak menyebutkan projek-projek secara khusus seperti apa yang kita buat dalam rancangan 5 tahun dan juga dalam belanjawan. Itu sahaja penjelasan, saya sahaja jalan yang saya hendak minta untuk memberi penjelasan, saya bukan untuk menyuarakan hak di Dewan ini. Terima kasih.

Dato' Speaker:

Ya, Y.B. Telok Bahang.

Timbalan Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Speaker. Kita telah mendengar hujah-hujah dari ahli-ahli kita, nampaknya Pengkalan Kota telah menjadi *Pong-Sui Master*. Pihak kerajaan akan mengambil pandangan-pandangan ini sebagai panduan bila kita rancang, sama ada kita hendak bangunkan kompleks baru atau tidak, tetapi cadangan awalnya, memang hendak

cadang bangunkan satu kompleks kerajaan yang baru, tetapi pandangan-pandangan hari ini dan dalam perdebatan ini, saya kira kita boleh rancang sebaik mungkin untuk masa depan pusat perkhidmatan kerajaan kita.

Dato' Speaker, isu-isu yang dibangkitkan oleh ahli-ahli Dewan ini ada perkara-perkara yang menyentuh portfolio saya. Y.B. dari Permatang Pasir telah bangkitkan, dan bertanya janji kerajaan untuk menaikkan gaji atau pun elaun guru-guru sekolah agama dan KAFA. Untuk pengetahuan umum, iaitu pihak kerajaan telah pun menambahkan peruntukan untuk elaun guru-guru sekolah agama iaitu ditambah 400,000 tahun ini bermakna iaitu meningkatkan 15% elaun guru-guru sekolah agama. Untuk tahun ini kita akan dan tindakan telah dibuat, peruntukan pun telah sampai kepada Jabatan Agama Islam, dan kita akan bayar dalam bulan puasa, *arrears* mulai 1 Januari hingga bulan 12 tahun 2001 iaitu *arrears* sebanyak 15%, kita akan beri kepada tiap-tiap guru sekolah agama dan seterusnya, pada masa-masa akan datang. Untuk guru KAFA elaun ini ditentukan oleh Kerajaan Pusat oleh JAKIM, ini terpulang kepada JAKIM untuk meningkatkan, kita akan menyuarakan perkara ini kepada pihak JAKIM supaya meningkatkan elaun untuk guru-guru KAFA ini.

Dato' Speaker, Y.B. dari Sungai Dua telah membangkitkan isu-isu berkenaan dengan satu, berkenaan dengan peratus anak-anak sekolah yang mendapat kelas-kelas tambahan agama, kita tingkatkan dari 30% kepada lebih 30% dan ini juga telah diusahakan Dato' Speaker, sebenarnya bila kita sebutkan tambahan kelas-kelas agama ini, kita boleh melalui sekolah agama rakyat atau pun melalui kelas-kelas KAFA. Untuk kelas-kelas KAFA, kita telah tingkatkan 1,000 kelas pada tahun 2000 naik kepada 1,500 pada tahun 2001 dengan cara berunding dengan pihak Jabatan Pendidikan untuk kita gunakan kelas-kelas di sekolah di waktu petang satu sesi dibenarkan pada waktu petang dengan cepat, kita dapat meningkatkan jumlah kelas KAFA, kelas Fardu Ain, kelas Al-Quran dan saya kira dengan kerjasama pihak Jabatan Pendidikan kita akan dapat meningkatkan lagi kelas-kelas KAFA dengan cepat dan *target*, matlamat untuk menjadikan untuk memberi meningkatkan kelas-kelas agama boleh tercapai kerana usaha dan sokongan dari jabatan-jabatan kerajaan.

Mengenai dengan salah guna sekolah-sekolah agama rakyat, disalahgunakan berpolitik, pihak jabatan telah melantik 2 orang Nazir Sekolah untuk meninjau, melihat perjalanan tiap-tiap sekolah agama, sama ada sekolah rendah, sekolah menengah dan mereka akan meninjau dari segi perjalanan, ko-kurikulum dan perjalanan sekolah-sekolah adalah bersesuaian dengan enakmen sekolah-sekolah Islam Tahun 1989 dan ini telah pun dilaksanakan dan saya harap sekolah-sekolah agama tidak digunakan sebagai medan politik.

Mengenai dengan pra-sekolah juga dibangkitkan oleh Ahli Kawasan Sungai Dua atau pun sekolah-sekolah yang berbentuk itu diletak di bawah enakmen 1989 sekolah-sekolah Islam Pulau Pinang boleh dilaksanakan enakmen ini selepas kita selesaikan kaedah-kaedah diluluskan dalam Dewan ini dan diluluskan oleh Majlis dan diluluskan oleh Yang Dipertuan Agong, maka kaedah-kaedah pelaksanaan telah selesai diperingkat pelaksanaan enakmen itu. Tiap-tiap pra-sekolah yang berbentuk sekolah Islam ini akan ditinjau dan mereka hendaklah mengikuti dari segi ko-kurikulumnya, dari segi premisnya, dari segi guru-gurunya mestilah ikut kaedah-kaedah yang ditetapkan di bawah enakmen ini kerana mereka juga akan ditinjau dan kalau didapati tidak mengikuti, kita akan beri nasihat, kalau tidak diikuti juga kita terpaksa menggunakan enakmen ini untuk menutup kelas-kelas berkenaan.

Batu Lintang bangkitkan berkenaan dengan PORR, *Penang Outer Ring Road*, atau pun jalan lingkaran luar Pulau Pinang. Projek ini sebenarnya telah pun dipersetujui oleh Kerajaan Pusat pada tahun 1996 supaya dijalankan melalui syarikat konsesi *Penang Matel Work* dan kerja-kerja awalan telah pun dijalankan dan cuma tunggu tandatangan antara syarikat ini dengan pihak Kerajaan Pusat untuk dilaksanakan dan segala perundingan dengan Kerajaan Negeri telah pun selesai, laluan juga telah selesai dan saya kira tidak berapa lama lagi dapat dijalankan setelah tandatangani perjanjian di antara pihak syarikat dengan Kerajaan Pusat dan kaedah *Clause* subsidi kerana syarikat ini dibenarkan untuk menebus guna tanah di kawasan-kawasan tertentu untuk menampung kos pembinaan jalan ini dan dengan itu dapat menetapkan kadar tol kepada RM1, kalau tidak ada unsur subsidi ini, maka tol itu terpaksa ditingkatkan lagi. Oleh itu kita bersetuju supaya pihak syarikat dibenarkan menebus guna tanah untuk dibangunkan dan subsidi kepada tol dan tentu kita hendak benarkan tebus guna maka kenalah jalankan berbagai kajian termasuk hidrologi, EIA dan sebagainya. Untuk menentukan supaya kawasan-kawasan yang hendak ditebus guna adalah selamat dan tidak ada kesan kepada kawasan-kawasan lain.

Mengenai LRT dibangkitkan oleh Batu Lintang memang sudah ada cadangan oleh berbagai pihak, oleh pihak swasta untuk menjalankan LRT beberapa tahun lepas sudah ada dan baru-baru ini ada cadangan, tetapi setelah kita lihat pada peringkat itu beberapa tahun lalu, sistem yang hendak dicadangkan oleh pihak, sistem ini di ambil dari luar negara dan nampaknya kos amat tinggi, dan tiada berkeupayaan, kredibilitinya dipersoalkan. Buat masa sekarang sudah ada juga cadangan-cadangan baru yang menggunakan teknologi tempatan yang kosnya lebih rendah. Hari ini sistem ini dicadangkan dan pihak kerajaan sedang menunggu cadangan terperinci oleh syarikat-syarikat berkenaan dan kerajaan akan kaji sepenuhnya sama ada juga berupaya ataupun viable untuk dilaksanakan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Penjelasan.

Dato' Speaker:

Batu Lancang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, mengenai PORR, saya sangat bimbang bahawa cara menebus guna adalah seperti pemaju yang membuat Lebuhraya Jelutong. Perkara ini sudah dirancang banyak lama, 10 tahun lebih telah dirancang tetapi sampai sekarang tidak ada kesan kerja-kerja dilaksanakan. Kalau selepas perjanjian ditandatangani, saya juga amat bimbang, projek ini akan mengambil masa lagi 10 tahun. Sebab itu saya cadangkan, kalau boleh, buatlah LRT, jangan batalkan projek Lingkaran Luar Pulau Pinang kerana ia akan menebus guna *private*, perumahan-perumahan yang tersangkut di seluruh dari Jalan Gottlieb sampai Gelugor, semua kediaman perumahan akan diancam. Kalau ada LRT lebih memandangkan sebuah negeri yang lebih maju dan PORR adalah sama dengan lebuhraya, tidak perlulah kalau ada LRT tidak perlu PORR lagi. Tambahan lagi kalau ada Lebuhraya Jelutong, dapat ditamatkan dengan masa yang singkat. Tidak perlu kita ada PORR.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, pandangan Y.B. daripada Batu Lancang memang tepat bahawa kita mahu supaya sistem PORR itu dipercepatkan dan di masa yang sama kita juga mahu supaya satu sistem yang canggih ataupun yang sesuai dapat dilaksanakan segera. Cuma yang sudah saya beritahu tadi bahawa memang pihak kerajaan telah menerima cadangan tetapi nampaknya tidak *viable* ataupun kurang berupaya untuk berjaya kerana kos tinggi dan *rider ship* ataupun jumlah penumpang tidaklah begitu ramai. Itu pada masa itu tetapi sekarang ini sudah ada cadangan-cadangan baru dengan menggunakan teknologi baru, teknologi tempatan yang saya yakin lebih *viable*, yang kita sedang pertingkatkan dan PORR ini memang melibatkan tebus guna tanah dan sekarang ini pun kita melihat kawasan-kawasan yang boleh ditebus guna dan kajian dengan syarat-syarat yang ketat termasuklah kajian yang saya sebutkan tadi *hydrology study*, *EIA study* dan sebagainya. Kita memang sedar perkara ini bahawa bila kita benarkan tebus guna tanah di laut ia akan melibatkan orang lain yang sekarang ini duduk di depan laut, bila ditebus guna tanah, mereka akan terjejas. Ini memang kita sedar, sebab itu saya sebutkan tadi bahawa kita perlu membuat kajian yang cukup teliti, terperinci supaya tidak menjejaskan orang lain. Berkenaan dengan...(gangguan).

Dato' Speaker:

Yang Berhormat ada panjang lagi ke?

Timbalan Ketua Menteri:

Sedikit lagi, ada, panjang juga lagi.

Dato' Speaker:

Kita berhenti rehat. Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga jam 11.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 11.10 pagi.

Dewan di sambung semula pada jam 11.40 pagi.

Dato' Speaker:

Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan di sambung semula dengan perbahasan. Sebelum Timbalan Ketua Menteri menyambungkan perbahasan, saya mintalah supaya perkara-perkara apa yang telah kita pertimbangkan itu janganlah di ulang-ulang lagi, kalau sudah di sebut Dewan pun telah faham dengan jelas, tidak payahlah kita ulang-ulang, kalau tidak, sampai bila kita hendak habis mesyuarat kita ini tambah pula hari ini hari Jumaat kita kena berhenti awal untuk membolehkan kita solat Jumaat, silakan.

Timbalan Ketua Menteri:

Terima kasih Dato' Speaker, Ahli daripada Batu Lintang dan Pengkalan Kota membangkitkan isu kelewatan pelaksanaan *Jelutong Expressway* atau Lebuhraya Jelutong, memanglah perjanjian telahpun dilaksanakan pada tahun 1997 dan pada masa itu jalan itu hendaklah diselesaikan dalam masa 36 bulan tetapi malangnya timbul masa kegawatan ekonomi dan sebab itu projek ini terpaksa di lewatkan sedikit dan akan dibina mengikut 3 fasa dan dalam jangka masa 8 tahun. Itu dalam perjanjian berikutnya yang telahpun dipersetujui. Walau bagaimanapun kerajaan memang berhasrat untuk menyelesaikan seperti yang dijangkakan dan kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk mengawasi projek ini untuk menyelesaikan apa-apa jua masalah yang timbul seperti apa yang berlaku contohnya masalah sampah, masalah paip IWK, masalah nelayan, masalah pembina bot

dan sebagainya. Masalah-masalah itu telahpun diselesaikan dan nampaknya hari ini projek itu berjalan lancar dan untuk itu kerajaan telah menubuhkan beberapa jawatankuasa untuk menyelaras projek-projek ini, Jawatankuasa Penyelaras Tanah dan Setinggalan, Jawatankuasa Audit Kerajaan untuk memantau projek ini, Jawatankuasa Pemandu Pelaksanaan Projek JEWay yang semuanya bertindak untuk menyelesaikan segera masalah yang timbul dan memastikan projek ini berjalan lancar.

Masalah rumah kos rendah ataupun rumah-rumah ganti ataupun rumah kos rendah yang tidak dapat dijalankan itu oleh kerana masalah pemindahan nelayan di Lebuhr Bakau sekarang ini telah pindah, pihak kerajaan yakin bahawa unit-unit rumah kos rendah 1,500 unit dan rumah kos sederhana rendah 4,000 unit akan dapat dilaksanakan selewat-lewatnya pada tahun 2002.

Dato' Speaker, Ahli dari Telok Kumbar telah membangkitkan beberapa isu, dia bila saya tidak ada di sini, dia cakap banyak pasal tanah dia naib ketua saya. Dato' Speaker, berkenaan dengan isu *industry land* ini, harga tanah industri memanglah Dato' Speaker kalau harga tanah industri dia dalam kawasan PDC bermakna kawasan kerajaan memang kita cuba tidak naikkan tetapi bagi kawasan swasta itu adalah di antara tertakluk kepada *willing buyer* dan *willing seller*. Untuk kawasan PDC seperti yang saya sebut tadi kita cuba menjual tanah dengan harga yang berpatutan setelah mengambil kira kos infrastruktur, kos pengambilan balik tanah berbagai-bagailah termasuk jalan dan utiliti. Semuanya diambil kira dan kos ini ditetapkan serendah mungkin untuk menggalakkan industri.

Berkenaan dengan cukai tanah Dato' Speaker, cukai tanah industri sebenarnya tidak begitu tinggi cuma RM1.08 sen satu meter persegi ataupun 10 sen sekaki persegi bagi tanah-tanah industri dan bagi tanah bukan industri dia punya kadar hanya 65 sen satu meter persegi atau 6 sen satu kaki persegi. Kadar ini telahpun ditetapkan pada tahun 1994 dan akan berkuatkuasa sehingga tahun 2004, makna 10 tahun dan selepas itu bolehlah kita nilai semula kadar ini. Dato' Speaker ... (gangguan).

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Ahmad):

Dato' Speaker, penjelasan, cuma yang saya kluatir tentang harga tanah itu dan juga tanah industri ini, kalau kita lihat dalam buku yang diserahkan di bawah perancangan Pulau Pinang ini dibandingkan dengan Negeri Selangor dan juga Johor, kita masih tinggi jadi saya

cadangkan untuk kita hendak ambil keyakinan balik pelabur daripada negara-negara asing atau pengusaha-pengusaha industri yang kecil IKS kita tawar dengan harga yang istimewa seperti yang saya katakan tadi kalau tidak ada keyakinan daripada pelabur-pelabur dan industri-industri ini mungkin mereka tutup bag *and pack their bag* dan balik. Jadi kita akan kehilangan pekerja-pekerja yang lebih banyak lagi, kita kena tambah lagi selain daripada itu insentif untuk kurangkan harga dari segi cukai tanah atau dari segi harga tanah industri.

Timbalan Ketua Menteri:

Yang Berhormat saya akuilah bahawa memang setakat ini pada masa keadaan kegawatan sebelum ini tidak ada rungutan cukai tanah tetapi dalam masa kegawatan ini cuma ada sedikit rungutan sahaja, minta di kurangkan contoh saya beri macam padang-padang golf yang ada di Negeri Pulau Pinang telahpun meminta pengurangan cukai dan pihak kerajaan telah pertimbangkan dan bagi pengurangan cukai kepada mereka. Jadi kerajaan dalam hal ini kita *flexible* dan kalau ada masalah dari segi itu kita boleh pertimbangkan untuk dikurangkan.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Ahmad):

Kalau kita lihat dari segi pelaburan yang meningkat dalam buku itu juga tulis, kalau banding dengan Selangor sendiri, Selangor hampir kenaikan 20 % hingga 30% walhal Pulau Pinang negatif *growth*, jadi saya hairan kenapa pelabur pergi ke Selangor walhal Selangor kalau kita lihat dari segi tanah sama harga dengan Pulau Pinang dan dari segi cukai tanah dan harga tanah lebih murah 50% lebih murah daripada Pulau Pinang. Jadi ini yang saya cadangkan Dato' Speaker.

Timbalan Ketua Menteri:

Dato' Speaker, seperti yang saya sebut tadi cukai tanah telahpun ditetapkan pada tahun 1994 dan ianya dijangka berjalan sehingga tahun 2004, kalau ada masalah-masalah begini boleh kita semak semula dan boleh dipertimbangkan untuk masa-masa tertentu, telah kita buat sebenarnya untuk padang *golf* contohnya.

Dato' Speaker, berkenaan dengan penyelenggaraan rumah pangsa ini memang kita menghadapi satu masalah besar di Pulau Pinang saya kita di semua kawasan yang mempunyai rumah pangsa menghadapi masalah yang sama iaitu masalah penyelenggaraan rumah pangsa ini masalah *management corporation* tidak di bentuk, masalah

strata title tidak di pohon dan sebagainya memang berlaku dan setakat ini kerajaan memang cuba mempercepatkan proses mengeluarkan *strata title* ini, kita telah tubuhkan *one stop processing centre* dan setakat ini telahpun mengeluarkan *strata title* kepada 75,533 unit rumah.

Untuk makluman juga setakat ini yang telah dapat OC, dapat Sijil Kelayakan Duduk di Pulau ada 87 projek, yang telah mendapat OC tetapi belum pohon *strata title* dan di Seberang Perai ada 57 projek yang juga dapat OC tetapi belum juga pohon *strata title*. Dalam hal ini sebenarnya ada peraturan bahawa *strata title* boleh dipohon oleh pihak pemaju dalam jangka masa 6 bulan, kalau dia tidak pohon menjadi kesalahan dalam peraturan ini, undang-undang itu, setakat ini pihak kerajaan telah mengambil tindakan terhadap 2 projek, 2 syarikat yang tidak pohon *strata title* tetapi malangnya Dato' Speaker, dia punya denda cuma RM5,000.00 sahaja, kalau dia salah denda dia kalau ikut *amendment* yang sedia ada denda RM5,000.00 dia kena *apply* segera kalau tidak berikutnya dia kena denda RM1,000.00 tiap-tiap hari selepas dia di arah untuk syarikat di arah untuk pohon *strata title* kalau dia tidak lakukan dia tidak akan didenda tiap-tiap hari RM1,000.00 jadi dengan cara itu kita boleh tentukan ramai lagi yang akan segera pohon *strata title* tetapi Dato' Speaker, dalam hal proses *strata title* ini dia memakan masa panjang antara 9 bulan hingga 2 tahun untuk selesaikan oleh sebab berbagai masalah bayaran kena bayaran, masalah kena buat *survey* berbagai masalah yang timbul akibat daripada permohonan *strata title* yang lewat ini, walau bagaimanapun kita akan usaha terus supaya memastikan *strata title* dikeluarkan dan perbadanan pengurusan dapat dilaksanakan oleh syarikat-syarikat ini.

Dato' Speaker:

Penjelasan Telok Kumbar.

Ahli Kawasan Telok Kumbar (Y.B. Tuan Syed Amerruddin bin Dato' Haji Syed Ahmad):

Strata title yang mustahak adalah kalau kita sebut kawasan rumah murah seperti saya katakan kelmarin dia terlibat dengan golongan yang kurang pendapatan tetapi telah di sebut oleh Ahli Teluk Bahang, boss saya tanya sedikit. Mengenai denda yang dikatakan tindakan oleh kerajaan negeri 2 projek rumah pangsa yang sedang dalam pelaksanaan denda bagaimana keadaan lain-lain contoh di kawasan saya sendiri ada 3, 5, 6 yang saya sebut kelmarin projek-projek yang mana pemaju tidak langsung minat mohon *strata title* dan apa berlaku ialah *maintenance* yang disenaraikan yang dibuat oleh pemaju memang dia tidak buat langsung apa-apa *maintenance* yang rosak jadi tindakan

ini saya setuju adakah tindakan ini sebagai satu undang-undang atau bila peraturan ini bila pemaju lawan di mahkamah kita boleh kalah, macam mana boleh bagi penjelasan balik cerita dekat persatuan-persatuan penduduk yang ada di kawasan rumah murah ini jadi strata *title* itu untuk 2 tahun kalau kita tidak mohon bagaimana bila kerajaan hendak ambil tindakan dia hantar surat secara rasmi kepada pihak L.A kah boleh *follow up* dengan tindakan yang keras terhadap pemaju-pemaju, kami akan bantu hendak beri senarai nama-nama pemaju yang masih tidak mahu hantar lagi, atau mohon *strata title*.

Timbalan Ketua Menteri:

Sebenarnya ini rungutan daripada Telok Kumbar, memang seperti yang saya sebutkan tadi menyeluruh, termasuk kawasan sayapun ada masalah begini ada juga syarikat yang hilang tidak dapat di kesan oleh kerana pejabat pun tidak ada jadi menimbulkan masalah.

Dato' Speaker, kalau ada kes begini pihak sesiapa juga boleh merujuk kepada PTG boleh merujuk terus kepada pejabat Penasihat Undang-undang untuk mengambil tindakan terhadap syarikat-syarikat yang berkenaan, syarikat-syarikat yang memohon dalam jangka masa 6 bulan boleh kita rujuk kepada Pejabat Penasihat Undang-undang untuk mengambil tindakan.

Dato' Speaker, untuk memantapkan lagi masalah penyelenggaraan rumah-rumah pangsa ini baru-baru ini di Dewan Rakyat dan di Dewan Negara telah lulus satu akta hakmilik strata iaitu untuk menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata dan Enakmen ini, undang-undang ini akan berkuatkuasa pada 1 Disember 2001 dan menyeluruh membolehkan tiap-tiap negeri menubuhkan Lembaga Hak Milik Strata dan ia mempunyai kuasa-kuasa tertentu yang mana ada kes-kes pertikaian di bawah Strata *Title* boleh dirujuk kepada lembaga ini. Berkenaan kawasan lapang, inipun satu perkara dahulu telah berlaku di mana kawasan lapang tidak diambil alih oleh kerajaan, ataupun tidak diserahkan oleh kerajaan, itu peringkat dahulu tetapi semenjak tahun 94 semua tanah-tanah lapang hendaklah di serah kepada kerajaan negeri dan diselenggarakan oleh majlis masing-masing, perbandaran MPPP ataupun MPSP dan sekarang ini peraturan telah dikuat kuasa untuk masa-masa akan datang tidak timbul masalah tanah lapang dipunyai oleh pihak lain bukan pihak kerajaan. Maknanya kawasan lapang akan terjamin berbanding dengan dahulu ada kes-kes di mana kawasan lapang dibangunkan oleh pemaju yang asal, kerana tidak di letak hak di bawah kerajaan.

Dato' Speaker, saya ingat itu sahaja untuk cakap hari ini, saya ucapkan terima kasih, sekali lagi dan dengan ini saya memohon menyokong.

Dato' Speaker:

Terima kasih, dijemput Y.A.B. Ketua Menteri.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada semua ahli Dewan yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan Rancangan Negeri Pulau Pinang yang Pertama atau RNPP1 saya ingin menegaskan di sini bahawa pembentangan usul satu usul mengenai RNPP1 ini bukanlah merupakan satu keperluan undang-undang atau *statutory requirement* apa yang diperlukan oleh *statutory requirement* dengan izin ialah rang undang-undang perbekalan atau *supply bill* dan juga usul belanjawan pembangunan dengan peruntukan secara spesifik yang hendaklah diluluskan oleh Dewan Undangan Negeri untuk RNPP1 dan PSDP2 sebenarnya tidak ada keperluan undang-undang untuk berbuat demikian, dinegeri-negeri lain tidak ada PSDP1 atau 2 dan RNPP seumpama ini, tidak sebenarnya apabila Rancangan Strategik Pulau Pinang yagn pertama iaitu PSDP1 digubal pada tahun 1991 dan 1992 selepas ianya digubal ianya tidak dibentang dan tidak di bahaskan di Dewan Undangan ini, tidak ianya cuma dihantar kepada setiap Ahli Dewan Undangan Negeri sebagai satu risalah dan pada waktu itu terdapat bukan 3 ahli pembangkang tetapi 13 ahli pembangkang di dalam ini yang di pimpin oleh Ketua Pembangkang Lim Kit Siang pada waktu itu, dan perkara ini tidak menjadi satu isu.

Dato' Speaker, pihak kerajaan negeri mengambil satu inisiatif untuk membentangkan PSDP2 dan RNPP1 untuk membolehkan ahli-ahli Dewan supaya dapat juga maklumat yang penting supaya dapat mengambil bahagian dalam perbincangan 2 pelan jangka masa panjang dan jangka masa sederhana yang begitu penting untuk negeri kita ini. Saya ingin supaya ADUN dapat dimaklumkan mengenai apa yang dirancang walaupun apa yang dirancang dalam PSDP2 dan RNPP1 seperti mana rangka rancangan jangka panjang ke tiga di bawah dasar wawasan negara dan juga Rancangan Malaysia Ke-8 memberi angka-angka anggaran belanjawan yang digaris secara kasar sebagai panduan untuk belanjawan tahunan yang merupakan satu keperluan undang-undang atau *statutory requirement* oleh itu apa yang dikemukakan di dalam RNPP1 walaupun lebih spesifik berbanding dengan PSDP2 memang merupakan projek-projek, program-program cadangan-cadangan

yang dirumus hasil daripada perbincangan di dalam EXCO perbincangan dengan sektor swasta input daripada sektor akademik termasuk juga pakar runding yang dilantik untuk membantu kerajaan membantu UPEN menyediakan rancangan-rancangan ini oleh itu apa yang di beri cuma merupakan satu anggaran kasar dan seperti yang telah saya jelaskan dalam ucapan semasa membentangkan usul ini angka-angka ini secara spesifik akan dimasukkan di dalam belanjawan tahunan tiap-tiap tahun dan kemungkinan besar akan dibuat perubahan dan pindaan dari masa ke semasa mengikut kajian semula separuh penggal ataupun dengan izin *mid term review* seperti mana yang diamalkan di peringkat pusat, oleh itu saya ingin menegaskan kepada ahli-ahli Dewan ini bahawa RNPP1 masih boleh dipindah, boleh diperbaiki dan ini memanglah tujuannya seperti yang telah saya sebut dalam ucapan saya dengan jelas dan janganlah kita menganggap ini adalah muktamad ataupun kerajaan negeri telah membuat satu keputusan tanpa mengambil kira pandangan ADUN dan pandangan rakyat saya berharap ini adalah jelas bagi semua.

Dato' Speaker, saya ingin menyentuh sedikit tentang ekonomi makro dan masa depan ekonomi di negara kita, saya mengalu-alukan persetujuan yang diberikan oleh ASEAN *plus 3* iaitu negara China, Jepun dan Korea Selatan untuk menubuhkan EAEG atau *East Asean Economic Grouping* satu cadangan yang di ilhamkan oleh Y.A.B. Ketua Menteri kita iaitu Dato' Seri Dr. Mahathir Mohamed 11 tahun dahulu tetapi pada waktu itu dan selama 11 tahun ini di tentang dengan hebat oleh Amerika Syarikat dan rakan-rakan negara itu di Asia, saya ingin mengambil kesempatan ini bagi pihak kerajaan negeri untuk mengucapkan setinggi-tinggi tahniah kepada Perdana Menteri kita atas wawasan beliau dan atas kenegarawanan beliau atau *state mainsheet* kerana mencadangkan dan dengan lebih penting lagi mempromosikan dengan sabarnya konsep ini dan menyifatkan penerimaan dan persetujuan oleh ASEAN *plus 3* ini sebagai satu peristiwa yang bersejarah dan sebagai satu *break through* yang sudah pastinya akan membawa faedah kepada negara Malaysia dan negara-negara asean pada amnya dalam jangka masa panjang.

Dato' Speaker, Negeri Pulau Pinang akan dengan secara aktifnya dan secepat mungkin membuat persiapan untuk menyokong mengadakan mewujudkan *synergy* dan juga mendapat faedah daripada *East Asean Economy Grouping* ini dan juga daripada segi tiga pertumbuhan Indonesia Malaysia Thailand IMT-GT. Memandangkan baru-baru ini telah dilanda oleh krisis kewangan Asia dan juga krisis industri elektronik sedunia, adalah amat penting dan *imperitive* untuk negara-negara Asean supaya bekerjasama dengan lebih rapat dan saling menganapi atau dengan izin *compliment* satu sama lain dalam konteks (AFTA), Asean Trade Free Trade Area, AFTA dengan jumlah penduduk 500 juta orang atau setengah billion orang merupakan satu pasaran yang cukup besar dapat bersaing secara berkesan untuk menghadapi cabaran-cabaran globalisasi dan liberalisasi.

Walau bagaimanapun negara China dengan bilangan penduduk sebanyak 1.3 billion orang memang merupakan satu bersaing atau *competitor* kepada Malaysia termasuk Pulau Pinang dan juga kepada Singapura dari segi menarik pelabur asing dalam industri pembuatan, industri ICT dan sektor-sektor ekonomi yang lain. Walau bagaimanapun kita haruslah bersikap positif untuk mencari bidang-bidang *complementary* dengan negara China dan juga cuba masuk ke dalam pasaran negara China bahkan pasaran negara India.

Pada masa yang sama kita mestilah mewujudkan *synergy* antara Asean sendiri dan Dato' Speaker, satu langkah yang konkrit spesifik untuk melaksanakan dan memajukan AFTA ialah melalui kerjasama *cross border* iaitu di antara kawasan-kawasan beberapa negara yang berjiran dalam bentuk segi tiga pertumbuhan seperti IMT-GT. Saya menganggap bahawa pertumbuhan Segi Tiga pertumbuhan ini *The Growth of Growth Triangle* dengan izin di dalam Asean dan di antara Asean dengan negara China, Jepun dan Korea memang merupakan satu potensi pembangunan yang amat besar bagi masa hadapan.

Oleh itu saya memang merasa agak *excited* terhadap pembangunan baru ini kerana Negeri Pulau Pinang memang berada di hadapan di barisan hadapan untuk mempromosi dan cuba menjayakan konsep IMT-GT sejak tahun awal tahun 1990an. IMT-GT telah dipersetujui secara rasmi pada tahun 1993 dan ianya diikuti oleh banyak mesyuarat termasuk juga kajian oleh *Asean Development Bank* (ADB) supaya merangka satu *frame work* dan strategi kerjasama dan mencari apakah *complimentarity* antara negara-negara yang terlibat supaya mengenal pasti dan melaksanakan projek-projek.

Sememangnya beberapa projek telah dirancang dan dilaksanakan termasuk promosi bersama dalam bidang pelancongan, termasuk peningkatan dalam bidang penerbangan dan termasuk juga pembatalan *excise levi* ataupun *fiasca* iaitu satu jenis cukai sebanyak 1 juta Rupiah terhadap sesiapa yang ingin keluar daripada Indonesia tetapi ini dihapuskan untuk perjalanan ke Pulau Pinang sahaja. Ini adalah hasil tuntutan bersama di antara Dato' Seri Pak Lah sebagai Menteri Luar Negeri pada waktu itu dan saya bersama dengan Menteri Luar Negeri Indonesia Al-Attas dan oleh itu ini telah menghasilkan banyak pelancong dan pelawat dari Indonesia datang ke Pulau Pinang untuk pelancongan untuk perdagangan untuk rawatan perubatan dan untuk pendidikan.

Ini sememangnya satu hasil yang begitu konkrit tetapi Dato' Speaker, malangnya krisis kewangan Asia yang melanda pada Julai tahun 1997 dan juga keadaan yang tidak stabil atau *turmoil* ekonomi dan politik di Indonesia telah mengakibatkan IMT-GT tergendala buat beberapa tahun. Mesyuarat hanya dimula semula pada tahun 2000 di

Songkla dan diikuti oleh satu mesyuarat lagi pada bulan Julai tahun ini di Medan, Indonesia tetapi kemajuan masih tidak begitu rancak kerana ketidaktentuan keadaan di Indonesia. Sekarang Indonesia nampaknya sudah menjadi lebih stabil oleh itu inilah masanya supaya kita memulakan semula dan menjanakan semula tenaga dan semangat yang telah diwujudkan pada waktu itu untuk melaksanakan secara aktifnya projek-projek lain dalam IMT-GT.

Dato' Speaker, saya ingin memaklumkan kepada Dewan ini saya akan mencadangkan kepada rakan-rakan saya di negeri Kedah, Perlis dan Perak supaya mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Pembangunan Wilayah Utara Semenanjung Malaysia secepat mungkin selepas Hari Raya Aidil-Fitri untuk secara aktifnya menerokai dan memajukan konsep IMT-GT dalam konteks AFTA dan EAEG. Negeri Pulau Pinang akan mempertingkatkan usaha kita untuk terus mempertingkatkan lagi kemudahan-kemudahan prasarana dan perkhidmatan dan juga sektor-sektor pembuatan perdagangan pelancongan dan pendidikan dan perkhidmatan supaya negeri Pulau Pinang dapat memainkan peranan sebagai pusat ataupun hak bagi IMT-GT seperti yang telah dirancang. Kami juga akan menerokai *complementarity's* di antara negeri Pulau Pinang dan asas ataupun landasan teknologi kita dan kemudahan logistik kita dengan kelebihan negara Indonesia dan Thailand dari segi kerja atau sumber manusia dan juga sumber semula jadi dan saya percaya IMT-GT selepas diperkembangkan semula akan menjadi lebih kompretatif.

Selain daripada IMT-GT Dato' Speaker, negeri Pulau Pinang akan meningkatkan lagi hubungannya dengan tiga hak pengangkutan yang penting di rantau ini iaitu Kuala Lumpur, Singapura dan Bangkok di samping itu *synergy* juga boleh dibangunkan dengan Singapura yang lebih maju daripada negeri Pulau Pinang dari segi teknologinya tetapi sedang menghadapi rintangan-rintangan yang lain seperti kekurangan sumber manusia dan kos yang jauh lebih tinggi daripada Pulau Pinang. Negeri Pulau Pinang juga akan menggunakan perhubungan bandar berkembarnya dengan Medan di Indonesia dengan Siemen di China dan dengan *Kanagawa Free Facture* dengan bersama *Yokohama City* di Jepun untuk menyokong dan memperkukuhkan pembangunan konsep EAEG dan di sini saya menegaskan bahawa tuduhan bahawa bandar berkembar tidak berguna adalah tidak berasas sebenarnya melalui bandar berkembar kita dapat sekurang-kurangnya memberi publisiti kepada negeri Pulau Pinang tetapi kita sebenarnya telah berjaya menjalinkan banyak bentuk kerjasama di kalangan sektor swasta kerana ada promosi usaha promosi oleh pihak kerajaan bagi pihak bandar-bandar berkembar yang terlibat.

Dato' Speaker, nampaknya begitu banyak minat mengenai masa depan kawasan bandar raya dalaman Georgetown dan nasib KOMTAR. Saya ingin menegaskan di sini bahawa kawasan bandar raya dalaman Georgetown termasuk kawasan KOMTAR terus di promosikan dan dibangunkan secara aktif sebagai satu pusat komersial dan pusat kebudayaan dan sosial bukan sahaja bagi negeri Pulau Pinang tetapi bagi negara Malaysia bahkan IMT-GT dan Wilayah ASEAN pada amnya. Sebenarnya saya ingin menegaskan bahawa ini selama ini merupakan hasrat kerajaan negeri di samping kita memajukan daerah-daerah yang lain kita tidak meninggalkan kawasan Georgetown atau kawasan KOMTAR dan penekanan akan terus diberi kepada kawasan bandar raya dalaman Georgetown khususnya dalam bidang perdagangan, pelancongan dan perhidmatan.

Dato' Speaker, sebenarnya beberapa langkah yang konkrit dan projek yang spesifik telah dimulakan sedang dan akan terus dilaksanakan untuk menghidup semula kawasan bandar raya dalaman Georgetown termasuk seperti berikut:-

- (i) Penyediaan dan promosi secara aktif untuk sebahagian kawasan bandar raya dalaman ini supaya disenaraikan sebagai *UNESCO World Heritage* dan ini dijangka akan menjadi satu dorongan besar untuk sektor pelancongan dan perdagangan;
- (ii) Projek yang telah diluluskan di bawah Rancangan Malaysia Kelapan untuk memperbesarkan dan meningkatkan *Swettenham Pier* menjadi satu *International Cruise Centre* yang utama yang akan membawa menarik masuk banyak kapal-kapal pelancongan;
- (iii) Penyediaan sedang dibuat untuk *re-oriented* dengan izin kegunaan tanah RM100 juta untuk tujuan pemuliharaan warisan dan pembaharuan bandar atau *urban renewal* dengan RM80 juta sebagai pinjaman daripada Kerajaan Pusat;
- (iv) Pembangunan konsep *Gold Bazaar* yang melibatkan Jalan Masjid Kapitan Keling dan Lebuh Campbell seperti yang di lhamkan dan disokong oleh Y.A.B. Perdana Menteri kita;

- (v) Usaha mempromosi, memulihara dan membangun semula kawasan penduduk Islam di sekeliling Masjid Kapitan Keling, *The Little India* dan juga bangunan-bangunan Warisan dalam kawasan China Town termasuklah pelbagai kongsi dan bangunan pertubuhan yang bersejarah dan bernilai warisan; dan
- (vi) Usaha untuk terus melanjutkan projek-projek tebatan banjir dan projek-projek untuk meningkatkan lagi kemudahan asas dan jalan-jalan utama di dalam kawasan bandar raya dalaman ini, sebenarnya kerja telah dimula dan dilaksanakan oleh sektor swasta dan sektor awam termasuklah pemuliharaan Fort Cornwallis, Kota Cornwallis dan Bangunan Dewan Bandaran serta cadangan untuk memuliharakan Mahkamah Tinggi dan memperbesarkan ruang untuk mahkamah supaya mahkamah terus dikekalkan di kawasan kita ini Georgetown dalaman Georgetown serta usaha-usaha sektor swasta seperti pemuliharaan E & O Hotel, Hotel 1926 dan banyak lagi yang ternyata yang nampak walaupun ianya akan mengambil satu masa kerana kebanyakannya ialah hartanah swasta.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Minta penjelasan.

Dato' Speaker:

Bagi jalan.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Dato' Speaker, sebenarnya sebagai projek sekeliling KOMTAR saya terdapat ada fasa lima, lima fasa tetapi cuma dua setengah fasa siap sahaja tetapi sekarang macam mana ini dua setengah fasa ini itu projek ada berlancarkan atau tidak cadangan PSDP.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, ini memang termasuk di dalam peruntukan yang disediakan untuk PDC yang sebanyak lebih daripada RM800 juta. Okey. Ada di sebahagian daripadanya ialah untuk projek pembaharuan bandar raya termasuk projek fasa-fasa KOMTAR tetapi sebahagian besarnya kalau keadaan ekonomi mengizinkan akan melibatkan sektor swasta. Kita akan menjemput sector swasta. Kalau tidak boleh, kita mungkin akan melaksanakan dengan sendiri.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Bolehkah penjelasan?

Dato' Speaker:

Tadi sudah jawab Y.B.

Ahli Kawasan Pengkalan Kota (Y.B. Encik Lee Hack Teik):

Bukan. Ini amat mustahak kerana keliling KOMTAR dimana tanah Fasa 3 sudah dijual kepada *private sector*. Fasa 4 juga sudah dijual kepada *private sector*. Fasa 4 dulunya *Capitol Theater* sekarang sudah menjadi satu kolam terdapat di sana. Fasa 3 sekarang yang ada di sana jadi *car park* saja. Fasa 5 lagi susah *after second rover*, Jepun bom kita punya tempat semua, dinding semua pecah dan kosong serta *monkey* pun ada di sana.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker, memang satu projek *urban renewal* akan mengambil masa dan ianya juga bergantung kepada keadaan ekonomi tetapi kita tidak boleh menafikan bahawa kawasan KOMTAR telah dapat menjanakan aktiviti-aktiviti yang penting di dalam KOMTAR dan juga di sekelilingnya.

Kalau bukan begitu maka cadangan untuk memindah beberapa pejabat saja tidak akan menimbulkan banyak minat di kalangan peniaga di KOMTAR khususnya. Bangunan KOMTAR sendiri dalam tempoh dua, tiga tahun ke belakang ini telah dan akan terus dipertingkatkan dengan kemudahan-kemudahan baru. PDC telah membelanjakan sebanyak lebih daripada RM14 juta untuk tujuan ini dan bersedia untuk membelanjakan RM20 juta lagi dalam lima tahun yang akan datang untuk bangunan KOMTAR yang sedia ada.

Saya ingin menegaskan di sini bahawa bukanlah hasrat kerajaan negeri untuk meninggalkan atau mengosongkan KOMTAR seperti yang didakwa oleh pihak-pihak tertentu. Sebenarnya dengan memindah keluar pejabat-pejabat tertentu daripada KOMTAR yang mungkin melibatkan ratusan orang, bukan ribuan orang akan diwujudkan lebih banyak ruang untuk jabatan-jabatan dan agensi-agensi yang sedia ada untuk diperbesarkan dan mengadakan ruang yang lebih selesa untuk para pelanggan, rakyat dan pegawai dan kakitangan. Di samping itu lebih banyak ruang yang dapat diwujudkan di KOMTAR untuk tujuan dan penggunaan komersial dan pejabat adalah sesuatu yang dirancang kerana kerajaan negeri sedang secara aktifnya mempromosikan supaya

syarikat-syarikat multi nasional dan syarikat-syarikat besar tempatan untuk mewujudkan pusat-pusat panggilan ataupun IT *Call Centre* di Pulau Pinang. KOMTAR dengan adanya kemudahan ICT sekarang merupakan salah satu tempat yang sesuai untuk dipromosikan pada masa hadapan supaya digunakan sebagai IT *Call Centre* dengan ramai pekerja-pekerja IT yang mempunyai *capacity* membekali yang lebih tinggi daripada yang sedia ada.

Dato' Speaker, saya memang boleh memahami bahawa ada orang khasnya peniaga-peniaga yang sedia ada di dalam KOMTAR memang merasa khuatir kerana ada cadangan ini yang malangnya disifatkan sebagai satu cadangan untuk mengosongkan KOMTAR. Memang mereka khuatir, apa juga perubahan Dato' Speaker yang kecil sekalipun sudah pasti akan mewujudkan perasaan khuatir di kalangan tertentu terutamanya kalau dikipas oleh pemimpin-pemimpin dengan agenda tertentu. Misalnya apabila projek KOMTAR mulai dibangunkan pada awal tahun 70-an terdapat banyak bantahan, bukan saja oleh para penduduk yang terlibat yang hartanah mereka diambil alih tetapi juga oleh orang pandai-pandai, terutamanya pembangkang. Begitu juga apabila Kerajaan Persekutuan membiayai pembinaan jambatan Pulau Pinang pada tahun 80-an Perdana Menteri kita dikecam oleh pihak-pihak tertentu sebagai membazirkan wang untuk membina satu '*white elephant*' atau 'gajah putih'. Kita masih ingat. Walau bagaimanapun akibat daripada krisis kewangan khasnya daripada penurunan ekonomi kerana krisis elektronik dan juga peristiwa 11 September bersama-sama dengan pemansuhan Akta Kawalan Sewa memang aktiviti-aktiviti perniagaan di dalam KOMTAR dan di sekelilingnya, di dalam kawasan bandar raya dalam Georgetown sudah menurun dalam tempoh setahun ini dan ini mungkin menjadikan orang yang terlibat lebih khuatir lagi. Saya dapat memahaminya tetapi saya ingin menegaskan di sini bahawa kerajaan negeri memang prihatin terhadap cabaran-cabaran pembaharuan Bandaraya Georgetown.

Sebelum ini kami telah memulakan proses *urban renewal* KOMTAR sendiri mengambil masa lebih daripada 30 tahun dan belum genap proses ini akan berterusan kerana ianya dijanakan oleh sektor swasta. Kita tidak membelanjakan wang kerajaan iaitu duit rakyat daripada cukai rakyat yang secara langsung untuk projek seumpama ini. Kita cuba menjanakan dan menggalakkan ekonomi. Oleh itu kita harus mengambil satu pandangan yang lebih jauh dan positif dan menjadi pro-aktif dalam tindakan kita dan janganlah kita terlalu negatif atau pesimis.(gangguan).

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Minta laluan.

Dato' Speaker:

Belum bagi jalan. Y.B. hendak minta penjelasan tetapi jangan bagi penjelasan.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya bukan dari Sungai Pinang tetapi dari Datok Keramat.

Ahli Kawasan Sungai Pinang (Y.B. Encik Looi Swee Chiang):

Dato' Speaker, ini tuduhan dia dan selalunya macam itu.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya tidak tuduh.

Dato' Speaker:

Y.B. Sungai Pinang.

Ahli Kawasan Datok Keramat (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Saya dari Datok Keramat. Saya bukan dari Sungai Pinang atau mana-mana.

Dato' Speaker, jangan sensatif. Memandangkan kita mesti jimatkan wang rakyat walaupun untuk projek membaharui kota dan kita jemput *synergy* dari pihak swasta untuk menyertai pelaburan maka mengapa kita membelanjakan begitu banyak di satu kota yang kita inginkan wujudkan di Bayan Baru dan tidak melibatkan *budget* yang begitu besar RM1.7 juta tetapi ada sebahagian untuk pembaharuan projek-projek lain dan sebagainya tetapi *budget* itu dianggap besar. Kalau Pejabat Ketua Menteri, Pejabat-pejabat Ahli-ahli EXCO, Pejabat SUK dan SFO di KOMTAR menghadapi kesempitan atau tidak cukup ruang untuk mereka bekerja atau pejabat-pejabat yang lain maka ini bukan isu. Isunya iaitu ada lebih kurang 30 peratus kekosongan ruang yang dihadapi di KOMTAR. Ini kalau tidak betul, sila membetulkan. Ada kekosongan di dalam KOMTAR; Mengapa mahu berpindah?

Lagi satu pertanyaan untuk penjelasan. Adakah satu rancangan untuk mewujudkan satu *official resident of* Ketua Menteri?

Ketua Menteri:

Tidak ada.

Dato' Speaker:

Janganlah Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat. Lualuan sudah cukup Yang Berhormat.

Ketua Menteri:

Okey, cukup.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Lim Boo Chang):

Penjelasan.

Ketua Menteri:

Nanti.

Dato' Speaker:

Y.B. Batu Lancang hendak campur juga.

Ketua Menteri:

Sebab mungkin apa yang saya cakap akan menjawab soalan Ahli Batu Lancang. Jangan bazirkan masa. Nanti tunggu.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Sebut.....(gangguan)..

Dato' Speaker:

Y.B. Ahli Batu Lancang, sila duduk.

Ketua Menteri:

Sudah 12.30 tengahari dan hari ini Jumaat. Saya ingin menegaskan bahawa idea ini sebenarnya tercetus apabila kita merancang untuk satu Dewan yang lebih besar di mana ada cukup kemudahan untuk semua Ahli dan juga kita merancang untuk masa hadapan sebab untuk 50 tahun, 100 tahun mungkin bilangan Dewan ini akan bertambah dua atau tiga kali ganda lagi. Kita mesti ada ruang yang cukup. Itu yang pertamanya.

Bangunan ini boleh juga digunakan untuk Muzium atau *Art Gallery* yang cukup elok. Saya ingat perkara itu semuanya bersetuju. Persidangan Dewan ini, di mana Negeri Pulau Pinang mempunyai rekod mengadakan mesyuarat yang panjang dan berjam-jam ucapan pun berapa jam seorang dan kita mahu mengalakkan lebih aktif lagi mungkin lebih kerap lagi pada masa hadapan apabila sistem demokrasi kita menjadi lebih matang. Oleh itu, kita akan mengadakan satu ruang untuk pejabat ADUN, semua ADUN. Ketua Menteri dan EXCO pun ada pejabat dalam Dewan itu, pembantu juga dan para pegawai juga dan ianya bukan semasa Dewan tetapi semasa Dewan tidak bersidang pun ADUN boleh menggunakan pejabat itu, EXCO pun boleh menggunakan pejabat itu dan selepas kita memikir maka adalah *logical* dan lebih sesuai dan lebih berkesan dari segi pentadbirannya kalau Pejabat Ketua Menteri dan Ahli-ahli EXCO dan juga Urusetia Setiausaha Kerajaan Negeri dan Pejabat Kewangan Negeri dan beberapa pejabat yang relevan sahaja ditempatkan di tempat yang sama supaya kita tidak payah wujudkan Pejabat Ketua Menteri di Dewan, Pejabat Ketua Menteri di KOMTAR, Pejabat Ketua Menteri di PDC. Saya pergi 3 atau 4 tempat, saya ingat kita lebih baik pusat di satu tempat, itu logiknya, supaya kita dapat memberi perkhidmatan yang lebih baik kepada rakyat dan tempat itu menjadi satu tempat perjumpaan rakyat secara lebih terbuka, ada *parking space* yang lebih banyak, itu konsepnya tetapi kita bukan hendak mengosongkan KOMTAR. Sebenarnya ini ialah satu *small move*, satu pindahan yang kecil iaitu untuk *reorganize*, *rationalize*, penggunaan ruang kemudahan pada masa jangka panjang saya kata bukan untuk penggal ini, bukan untuk penggal depan, untuk 20 tahun, 50 tahun bahkan 100 tahun. Selepas siangnya Putrajaya, saya mengunjungi Y.A.B. Perdana Menteri, beliau sendiri membawa saya tengok beberapa tempat dan tengok kawasan *planning* untuk Putrajaya. Beliau sebut kepada saya perancangan mestilah untuk 200 tahun, bukan untuk 2 tahun atau 20 tahun, bukan untuk penggal kita tetapi untuk masa hadapan rakyat. Saya masih ingat nasihat itu.

Dato' Speaker, sebenarnya, kerajaan pusat dan kerajaan persekutuan telah memindah dan akan terus memindah, banyak kementerian, banyak jabatan dan banyak pejabat melibatkan puluhan ribu pegawai dan kakitangan ke Putrajaya iaitu 30 hingga 40 batu daripada pusat Kuala Lumpur tetapi pusat Bandaraya Kuala Lumpur terus berkembang, terus tumbuh dengan kemudahan-kemudahan aktiviti-aktiviti yang baru seperti Bintang Walk, seperti *Mid Valley Megamall* dan sebagainya. Bayan Bay hanya 4 batu daripada pusat Bandar Georgetown dan dengan siangnya Lebuh raya Jelutong, ini tidak begitu jauh, ia masih berada di Daerah Timur Laut dan Daerah Timur Laut sememangnya telah dirancang kita untuk mewujudkan bukan sahaja Georgetown tetapi seluruh Daerah Timur Laut akan dijadikan

status bandaraya, *the city status*, satu kawasan yang lebih besar daripada kawasan Georgetown yang tradisional, itu perancangan tetapi kita tidak sempat untuk memberi penjelasan, maka sudah timbul begitu banyak perasaan khuatir. Saya boleh faham kalau datangnya daripada peniaga. Sebenarnya konsep untuk Dewan baru, konsep untuk satu pusat pentadbiran yang melibatkan beberapa pejabat baru bagi Ketua Menteri, EXCO, SUK, Pegawai Kewangan Negeri sebenarnya ianya tercetus oleh saya pada bulan April, tahun 1996, semasa EXCO, tarikhnya ialah 10hb. April, 1996. Ahli Bagan Jermal mungkin ingat, Ahli Bukit Gelugor mungkin ingat di mana kita membincangkan pada waktu itu melalui jawatankuasa pelaksanaan projek-projek mega untuk hendak menempatkan Dewan ini di satu kawasan tebus guna tanah Lebuhraya Jelutong berhadapan dengan laut, dengan pandangan yang baik, ruang yang cukup, itu konsep pertama. Selepas itu, kita berbincang lagi di dalam EXCO kerana kita dapati kosnya mungkin terlalu tinggi, kita cari tempat tanah Udini, kita pun cari tempat Tengku Kudin, boleh gunakan bangunan Tengku Kudin atau tidak. Kita berikhtiar, kita berbincang beberapa kali dan sehingga tahun 1997, Mac di mana saya sendiri mengatakan bahawa oleh kerana hendak pindah ke tempat-tempat seumpama ini melibatkan banyak masalah dan akan terlibat dengan pelaksanaan projek Jelutong Expressway dan sebagainya dan saya cadangkan kepada EXCO. Pada bulan Mac, 1997 supaya kita gunakan tanah tebus guna yang dilaksanakan oleh PDC di kawasan utara Bayan Bay, di kawasan selatan dari jambatan Pulau Pinang sebagai satu tapak yang boleh digunakan yang kosong yang tidak ada masalah lain kalau kita hendak rancang, kita rancang dengan itu dan ini memang secara prinsip kata ini mungkin kita boleh terokai, itu tahun 1997 dan selepas Julai 1997...(ganguan).

Dato' Speaker:

Belum bagi jalan. Ya bagi laluan.

Ahli Kawasan Bagan Jermal (Y.B. Dato' Dr. Sak Cheng Lum):

Terima kasih Dato' Speaker. Kami sebagai Ahli *back benchers*, apabila kita bangkitkan pandangan dan kadang-kadang mewakili rakyat termasuk para peniaga di persekitaran KOMTAR, kita mengambil peluang untuk menyuarakan perasaan khuatir mereka apabila telah diumumkan secara *official* melalui satu kenyataan akhbar bahawa ada kemungkinan pusat pentadbiran kerajaan negeri akan dipindah keluar dari KOMTAR. Saya ingat apabila kita bangkitkan dan menggunakan masa di dalam Dewan ini, itu saya berharap pihak kerajaan akan menerima sebagai kami memainkan peranan untuk mewakili rakyat.

Pada saya, memang saya setuju dengan pemindahan Dewan Undangan Negeri ini dan adakah langkah ini pada akhirnya adalah satu langkah yang baik atau tidak begitu baik, saya ingat itu mungkin pada masa yang akan datang kita boleh dapat jawapan tetapi pada masa sekarang soal bukan hendak pindah atau tidak pindah, pada saya sebagai kerajaan yang terbuka maka apa yang ingin diketahui oleh kami sebagai wakil rakyat, *back benchers* dan juga rakyat jelata ialah apakah usaha pihak kerajaan di dalam perkara ini dan saya memang mengucapkan tahniah kepada Y.A.B. Ketua Menteri apabila Yang Amat Berhormat dalam proses menggulungnya telah memberi alasan yang saya terima adalah jawapan yang baik, itu yang apa rakyat hendak tahu, bukan kita hendak bangkit oleh kerana kita rasa sahaja, tetapi kita hendak tahu rasionalnya mengapa hendak pindah, kalau rasional itu adalah merupakan sebagai rasional yang baik dan boleh diterima oleh rakyat, memang itu adalah yang baik dan yang kedua apabila kita bangkitkan isu, kita berharap bahawa dalam melalui Dewan ini pihak kerajaan juga boleh dapat memberi jawapan dan penjelasan kepada rakyat jelata bukan kepada kami sebagai *back benchers* sahaja oleh kerana kita memang mempunyai masa untuk bertanya kadang-kadang secara langsung daripada pihak EXCO atau Ahli-ahli EXCO dan sebagai contoh Dato' Speaker, mungkin Yang Amat Berhormat bersetuju apabila kita tanya bukan sahaja kita hendak cakap kita bantah dengan pemindahan itu tetapi mungkin pemindahan itu adalah satu yang baik dan saya telah menyatakan bahawa pemindahan Dewan Undangan ini pada saya sendiri saya sokong dan kebanyakan saya ingat Ahli *back benchers*, kita sokong tetapi pemindahan Dewan Undangan Negeri dan pemindahan pusat pentadbiran kerajaan itu adalah perkara yang lain. Apabila ia terlibat dengan *urban renewal* dan *urban renewal* ini disebut sebagai satu langkah untuk membantu pembangunan pusat pendalaman Georgetown dalam PSDP2 ini, memang kita hendak tahu dan rakyat hendak tahu, dengan izin, *some how it's conflict*, apabila kita cakap hendak pindah, kita hendak tahu apakah pendirian pihak kerajaan tentang *urban renewal project* dan apabila Yang Amat Berhormat menyatakan bahawa pendirian adalah kerajaan *we will continue*, dengan izin, *with the urban renewal* itu yang saya terima dan itu yang saya hendak tahu apabila disuarakan oleh Yang Amat Berhormat melalui Dewan ini, saya percaya ia akan diterima baik oleh rakyat dan rakyat akan termasuk para peniaga di KOMTAR akan merasakan dengan izin, *the state government has got some plans to* meneruskan untuk membantu supaya KOMTAR dan *urban renewal* ini apabila diteruskan dihidupkan dengan baik, itu yang saya percaya apa yang kita ingin hendak tahu bukan kita hendak bantah atau kita hendak cakap kita bantah atau tidak setuju atau pada masa dulu kita sudah setuju sekarang kita macam mana. Saya ingat apabila timbulkan masalah, rakyat tanya pada kami, kami kadang-kadang tidak ada jawapan. Saya sebagai *back*

benchers sekarang tidak ada jawapan oleh kerana saya tidak faham apakah pemikiran pihak kerajaan khususnya EXCOnya oleh kerana kadang-kadang kita sebagai *back benchers* kena tahu, saya ingat itu maksud saya dan saya berharap bahawa Yang Amat Berhormat juga boleh setuju dengan pandangan saya.

Dato' Speaker:

Itu penjelasan dan pandangan yang cukup bemas daripada bekas EXCO kita.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Boleh bagi jalan.

Ketua Menteri:

Okey.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Dato' Speaker, Yang Amat Ketua Menteri tadi ada mengatakan beberapa sebab seperti meningkatkan pelabuhan Port Swettenham dan menggunakan dana pemuliharaan untuk *urban renewal* tetapi jelas sekali kita nampak semua ini dan sebab ini kita tidak nampak lagi, yang kita nampak hanya kawasan Georgetown(gangguan).

Dato' Speaker:

Yang Berhormat itu pandangan, bukan minta penjelasan.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Sebab saya mahu kata bahawa tempat kosong(gangguan).

Dato' Speaker:

Yang Berhormat tidak setuju, hendak mengatakan bahawa Yang Berhormat tidak setuju, ya, kita faham.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Ada sebab-sebab tidak setuju. Satu, dua minit sahaja, iaitu bahawa kita nampak kawasan bandaraya masih banyak tempat kosong, rumah kosong sehingga 500 lebih tempat kosong dan sebelum itu kerajaan negeri telah mengatakan bahawa mahu gunakan dana ini untuk pemuliharaan, sampai sekarang satu duit pun langsung tidak digunakan.

Adakah kerajaan akan menggunakan RM100 juta ini untuk melaksanakan mini Putrajaya di Bayan Baru dan satu lagi tempat letak kereta di KOMTAR, dahulu rancangan kerana Ketua Menteri kata dahulu bantah, tempat ini ada rancangan untuk tempat letak kereta yang begitu luas, sampai sekarang tidak dilaksanakan lagi. Adakah Fasa 5 tidak dibuat dan sekarang sudah mahu pindah pentadbiran Kerajaan Pusat di tempat lain, ini menunjukkan kawasan KOMTAR ini gagal dilaksanakan semua rancangannya, terima kasih.

Ketua Menteri:

Dato' Speaker. Saya ingin menjawab soalan dan komen daripada Batu Lancang terlebih dahulu. Tidak, kami tidak bercadang untuk menggunakan RM100 juta dana ini untuk pemuliharaan dan pembangunan semula bandar itu untuk Dewan Undangan yang baru atau pusat pentadbiran yang baru. Itu *vote* lain, kalau Ahli Batu Lancang baca baik-baik jadual, ada 2 *vote* yang berlainan. Ini jelas, satu ialah RM107 juta ringgit ... (gangguan), pentadbiran awam dan satu lagi ialah RM100 juta untuk pemuliharaan bandar raya. Jelas di dalam buku ini, sila baca.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Tidak guna lagi duit dana itu.

Ketua Menteri:

Sila baca dulu, jangan cuba hendak keliru dan mengaitkan kerana RM100 juta dan RM107 juta. Itu yang pertama. Saya juga hendak menjawab Ahli Datok Keramat bahawa saya jelas menyatakan bahawa anggaran yang diberi untuk lima tahun untuk tujuan Dewan Undangan Negeri yang baru ialah *provision* cuma RM30 juta, yang lain untuk lain tempat, bukan untuk yang itu, jangan cuba kait-kaitkan dan ulang-ulangkan macam *gramophones* itu, jangan. Sebab itu kita mesti jelas dan nanti dalam satu *paragraph* saya akan jawab kepada Ahli Bagan Jermal.

Dato' Speaker:

Yang Amat Berhormat, panjang lagikah?

Ketua Menteri:

Ada satu minit lagi. Pada bulan Julai tahun 2000, EXCO memutuskan untuk menubuhkan satu jawatankuasa pentadbiran dan kami jemput Dato' Speaker untuk mengetuai jawatankuasa itu. Jawatankuasa Pentadbiran ini melibatkan pegawai-pegawai kanan untuk mengkaji manakah tapak yang sesuai, apakah reka bentuk yang sesuai bagi Dewan Undangan Negeri yang baru termasuk pejabat-pejabat yang saya sebutkan tadi. Jawatankuasa ini telah mengadakan 5 mesyuarat dan perbincangan termasuk lawatan ke pusat pentadbiran baru di Air Keroh, Melaka. Oleh kerana begitu banyak ADUN yang berminat terhadap isu ini saya akan minta supaya Jawatankuasa Pentadbiran ini memberi satu taklimat kepada Ahli-ahli Dewan Undangan Negeri, di luar Dewan, sekiranya ada masa yang cukup untuk menunjukkan konsep dan sebagainya apabila jawatankuasa ini dapat bersedia.

Dato' Speaker, saya ingin menegaskan bahawa Kerajaan Negeri Pulau Pinang merupakan satu kerajaan yang terbuka dan mengalukan dan mendengar semua bentuk kritikan. Kami di pihak kerajaan ini yang kebanyakannya berasal dan mulai bekerja pada tahun 1990 berhadapan dengan 14 ahli pembangkang, kami sudah didedahkan untuk semua jenis kritikan. Kami juga mempunyai hak untuk menjawab kritikan dan dari semasa ke semasa kami pun tentang sedikit. Tetapi pihak sana kalau sentuh sedikit tidak boleh tahan, baling lumpur kepada orang lain, boleh, ini sikap yang tidak betul. Saya tidak pernah mempertikaikan hak untuk membahar, hak untuk membangkitkan perasaan khuatir rakyat, itu hak ADUN. Saya menghormati sepenuhnya bahkan saya menggalakkannya. Cuma kalau ada cara perbahasan sama ada dari *back benchers* atau pembangkang, kalau mereka hentam di sini dan sana, kita hentam sedikit pun bolehlah. Bolehlah! Itu bukan mencerminkan bahawa kita tidak sabar, kita tidak terbuka, jangan cuba putar-belitkan dan menjadikan seolah-olah kita tidak mendengar. Kita sebenarnya berbahar secara terbuka, itu saya ingat yang membezakan apa itu kritikan positif. Y.B. Batu Lancang nanti ada peluang lagi, duduk dulu.

Dato' Speaker:

Saya ingat cukuplah Yang Berhormat, sudah dekat pukul 1.00 tengahari. Kita hendak berhenti untuk sembahyang.

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Tidak adil kalau tidak beri. Satu minit sahaja.

Ketua Menteri:

Dalam hal ini Dato' Speaker, bukan saya tidak beri. Waktu Rang Undang-undang Perbekalan dan Usul Pembangunan, Ahli Batu Lanchang boleh bangkitkan isu ini 13 kali lagi dan saya akan jawab. Hari ini kita mesti menghormati kerana hari ini hari Jumaat .

Dato' Speaker, saya ingin menggulung, sebenarnya saya sudah menggulung, sudah cukup.

Ahli Kawasan Batu Lanchang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

Saya tidak boleh terima Ketua Menteri kata saya tidak baca, saya sudah baca.

Dato' Speaker:

Yang Berhormat tolong duduk.

Ketua Menteri:

Okeylah, Yang Berhormat hendak "kia sui, kia sui", *you* sudah baca, okey, saya terima. (gangguan).

Dato' Speaker, dia baling lumpur tidak mengapa, apa pun boleh. Saya cuma kata dia mungkin tidak baca dan sudah tidak boleh tahan. Ini adalah sikap yang tidak begitu menjadi. Dengan ini saya mengucapkan terima kasih.

Dato' Speaker:

Terima kasih kepada semua yang mengambil bahagian. Ahli-ahli Yang Berhormat, perbahasan telahpun selesai.

"Masalah yang kita hadapi sekarang ialah usul bahawa Dewan ini meluluskan Rancangan Negeri Pulau Pinang Pertama (RNPP1) 2001 – 2005 yang dibentangkan sebagai Risalah Dewan Undangan Negeri Bilangan 9 Tahun 2001 dan menetapkan bahawa dokumen tersebut selepas mengambil kira pandangan yang dikemukakan di dalam Dewan ini hendaklah digunakan oleh kerajaan negeri bagi tujuan perancangan dan pelaksanaan projek pembangunan bagi tempoh 2001-2005 dipersetujui."

Ahli-ahli yang bersetuju katakan "Ya", yang tidak bersetuju katakan "Tidak."

Ahli Kawasan Batu Lancang (Y.B. Encik Law Heng Kiang):

“Tidak.”

Ahli Barisan Nasional:

“Ya”.

Dato' Speaker:

“Ya”, sebulat suara dan lebih banyak. Usul dipersetujui.

Ahli-ahli Yang Berhormat, Dewan ditangguhkan sehingga
19 November 2001 jam 9.30 pagi.

Dewan ditangguhkan pada jam 12.50 tengahari.